


Jilid I
Bil. 74



Hari Jumaat
28hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8173]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 8191]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Jadual—

Kepala B. 16 [Ruangan 8192]

Kepala B. 17 dan B. 18 [Ruangan 8214]

Kepala B. 19 [Ruangan 8244]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Kepala P. 16 [Ruangan 8192]

Kepala P. 17 [Ruangan 8214]

Kepala P. 19 [Ruangan 8244]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 28hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan,
DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung
Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

Yang Berhormat TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK
(Nibong Tebal).

- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M.,
(Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S.,
S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K.
(Ulu Kelantan).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PELAJARAN KEPADA ANAK ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN

1. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk menjadikan anak angkat kepada anak-anak anggota pasukan keselamatan yang telah terbunuh semasa menjalankan tugas dan memastikan tentang pelajaran mereka hingga ke peringkat yang sehabis tinggi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada rancangan mengambil anak angkat dari anak-anak anggota Pasukan Keselamatan yang terkorban atau hilang upaya sewaktu menjalankan tugas. Tetapi pihak Kerajaan melalui Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara memberi bantuan persekolahan dan elaan sara hidup untuk anak-anak yang belum bersekolah dan mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Di samping itu, bantuan buku-buku teks juga diberi dari Tabung Kebajikan Pasukan Polis kepada mereka yang tidak menerima bantuan dari Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Bantuan ini diberi untuk membeli buku-buku sekolah berdasarkan pada harga buku-buku tersebut. Jabatan Polis juga mempunyai rancangan untuk melancarkan satu Tabung yang diberi gelaran Yayasan Tun Salleh yang bertujuan memberi pinjaman wang kepada anak-anak anggota polis termasuk anak-anak polis yang telah terkorban pada masa menjalankan tugas serta anak-anak kakitangan awam di Jabatan Polis yang telah dipilih untuk berkursus di institusi-institusi pelajaran tinggi. Pihak Kerajaan juga ada merancang untuk membina asrama-asrama yang bertujuan menempatkan anak-anak Pasukan Keselamatan yang mana ibubapanya bertugas di tempat-tempat yang terpencil dan tidak ada kemudahan persekolahan menengah atau tinggi dan juga kepada mereka

yang terpaksa bertukar dari satu tempat ke satu tempat lain. Pertimbangan juga akan diberi kepada anak-anak anggota yang telah terkorban untuk ditempatkan di asrama-asrama tersebut. Langkah seperti ini adalah untuk memastikan supaya anak-anak anggota polis dan Pasukan Keselamatan dapat belajar dengan secukupnya bagi menjamin masa depan mereka. Selain daripada itu, satu tabung yang dinamakan Tabung Perwira Polis juga sedang dan akan dilancarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan telah berkata ada kemudahan-kemudahan yang diberi kepada anak-anak anggota Pasukan Tentera dan Polis yang tercedera dalam action. Adakah kemudahan-kemudahan ini diberi juga kepada anak-anak orang awam yang mati dibunuh oleh musuh negara seperti members of the public killed in crossfire or other means either deliberate or otherwise.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan asal.

JALAN-JALAN DI MAJLIS TEMPATAN

2. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakannya:

- (a) samada beliau sedar yang kebanyakan Majlis Tempatan kerana tidak ada kuasa, tidak dapat bertindak ke atas penghuni yang membuang sampah sarap di tepi-tepi jalan dan lorong yang menyebabkan kekotoran dan bau busuk di kawasan kediaman mereka. Apakah tindakan Kementerian ke atas perkara ini; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa sebuah parit besar berhampiran dengan masjid di kawasan Majlis Tempatan Sungai Mati, Muar, telah tersumbat kerana tidak pernah dibersihkan dan menyebabkan bau busuk ke seluruh kampung berhampiran terutama sekali bagi orang yang bersembahyang di masjid itu; jika ya, nyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya tidak sedar tentang perkara ini oleh Majlis-majlis Tempatan diberi kuasa di bawah Seksyen 12 Ordinan Majlis-majlis Tempatan, 1952, membuat undang-undang kecil yang antara lain boleh berkehendakkan jalan-jalan dibersihkan daripada sampah sarap atau halangan-halangan. Sekiranya undang-undang kecil seperti ini belum lagi dibuat, terpulanglah kepada penguasa tempatan itu menimbangkannya dengan meminta nasihat dari Pegawai Daerah berkenaan yang mempunyai kuasa di bawah Ordinan tersebut meluluskan sebarang undang-undang kecil. Oleh sebab ini ialah soal tempatan yang boleh diuruskan sendiri dan tidak melibatkan sebarang dasar, tidaklah wajar bagi Kementerian saya mengambil sebarang tindakan.

(b) Saya tidak sedar dengan kejadian ini sebab perkara semacam ini biasanya dilaporkan kepada penguasa tempatan yang berkenaan yang sepatutnya mengambil langkah membersihkannya. Sekiranya parit itu menjadi tanggungjawab sesebuah Jabatan Kerajaan, seperti Jabatan Kerja Raya, maka Jabatan itu hendaklah diberitahu dan diminta kerjasama membersihkannya. Permintaan itu boleh disalurkan melalui Pegawai Daerah berkenaan yang sentiasa boleh menolong menyelesaikan masalah-masalah seperti ini tanpa melibatkan Kementerian saya.

ANASIR SUBVERSIF DALAM PEMOGOKAN

3. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar terdapatnya unsur-unsur subversif apabila sesuatu pemogokan berlaku. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang untuk mencegah pemogokan berlaku di negeri ini, jika ya, bila.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti dengan maksud Ahli Yang Berhormat

itu mengenai perkataan “unsur-unsur subversif”. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu bermaksud bahawa unsur-unsur ini adalah anasir-anasir subversif yang mengancam keselamatan negara ini, saya percaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah tentu akan menjalankan tindakan atas perkara ini.

Sejauh mana yang diketahui tidak ada terdapat anasir-anasir subversif apabila satu-satu pemogokan berlaku. Buat masa ini Kerajaan tidak ada tujuan untuk mengadakan undang-undang untuk mencegah pemogokan dari berlaku, kerana peruntukan-peruntukan yang ada sekarang di dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967 adalah cukup untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul apabila mogok berlaku.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan samada betul atau tidak bahawa pendapat sebagaimana yang terkandung dalam soal ini berlawanan dengan sikap dan dasar Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan ini sebagaimana yang terdapat adalah membayangkan pendapat, pada hemat saya, berlawanan sama sekali dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional berkenaan dengan pergerakan pekerja, buruh atau trade union. Saya minta keterangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen samada anggapan yang saya keluarkan ini memang betul, iaitu the views as expressed

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa benarkan dalam bahasa Inggeris? Tidak ada siapa yang berkenaan. Minta izin dahulu.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pendapat yang diberi dalam soalan ini tidak membayangkan dasar Kerajaan.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V

4. Tuan Mohd. Zahari bin Awang (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan

dijalankan sebagai usaha baru untuk mengatasi:

- (a) kelemahan keputusan mata pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V di kebanyakan Sekolah Rendah Kerajaan;
- (b) kekurangan kelengkapan dan alat-alat Sains di kebanyakan Sekolah Menengah di Negeri Kelantan;
- (c) kelebihan guru-guru sementara/attachment di kebanyakan Sekolah Menengah di Negeri Kelantan;
- (d) kelemahan pelajaran murid-murid yang belajar waktu petang (terutama murid-murid Sekolah Rendah Kerajaan); dan
- (e) kekurangan tatatertib di kalangan guru-guru dan murid-murid sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah V di kebanyakan Sekolah Rendah Kerajaan bagi matapelajaran-matapelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains itu lemah adalah tidak benar. Malahan, seperti ditunjukkan oleh data, kejayaan bagi matapelajaran Ilmu Hisab dan lebih-lebih lagi Sains adalah semakin meningkat. Mengenai Bahasa Inggeris pula keputusan peperiksaan tidak banyak berubah dan adalah memuaskan.

ANALISA PERATUS KELULUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V, 1970-1974

		MATAPELAJARAN		
Tahun		Bah. Ingg.	Ilmu Hisab	Sains
		%	%	%
1970	...	53.3	49.3	50.1
1971	...	57.9	54.1	58.0
1972	...	58.7	56.6	59.3
1973	...	51.0	56.6	60.5
1974	...	51.2	56.7	66.4

Walau bagaimanapun, untuk memperbaiki lagi peratus kelulusan ini pihak Kementerian telah mengambil dua langkah:

- (i) mengadakan satu projek khas untuk Sains dan Hisab di Pusat

Perkembangan Kurikulum, guna memajukan lagi kurikulum Hisab dan Sains untuk sekolah-sekolah rendah.

- (ii) menjalankan kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru Hisab dan Sains yang mengajar di sekolah rendah.
- (b) Mulai 1hb Januari, 1974 Kementerian Pelajaran telah menambah Bantuan Matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab (Science and Mathematics Grant) bagi semua sekolah. Tambahan bantuan ini diharap dapat beransur-ansur mengatasi kekurangan kelengkapan dan alat-alat sains di sekolah-sekolah.

Di samping itu pihak Kementerian Pelajaran ada membahagi-bahagikan kepada sekolah-sekolah alat-alat Sains Paduan yang diperolehi dari Bantuan UNICEF.

- (c) Kelebihan guru-guru sementara/attachment di sekolah-sekolah menengah bukanlah khusus hanya di Kelantan tetapi terdapat di semua negeri-negeri lain. Pihak Kementerian telah dan akan terus berusaha mencuba mengatasi masaalah ini.
- (d) Hingga kini belum pun ada kajian yang dibuat yang dapat membuktikan bahawa pencapaian (performance) murid-murid yang belajar di sebelah petang adalah lebih rendah daripada yang belajar di sebelah pagi.
- (e) Mengenai kekurangan tatatertib guru-guru dan murid-murid sekolah pihak Kementerian Pelajaran ingin menegaskan di sini bahawa gejala buruk ini tidaklah menyeluruh tetapi hanya terdapat pada segelintir guru-guru dan murid-murid sahaja. Walau bagaimanapun, saya dapati iaitu untuk menjaga disiplin guru-guru maka kalangan guru-guru sendiri sekarang sedang menggubal satu Panduan Ikhtisas Tatasusila Guru untuk dijadikan panduan kepada semua guru-guru.

Bersabit dengan disiplin murid-murid, satu surat pekeliling baharu-baharu ini telah dihantar oleh Kementerian Pelajaran kepada semua guru besar menerangkan cara-cara untuk mengatasinya. Wajar ditegaskan di sini bahawa masaalah disiplin murid-murid ini bukanlah

tanggungjawab guru-guru semata-mata tetapi adalah tanggungjawab ibubapa dan juga masyarakat seluruhnya.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada di setengah-setengah sekolah dalam masa mengajar ada guru-guru yang selalu melihat nota-nota pelajaran HSC-nya sendiri untuk masuk peperiksaan HSC untuk membolehkan mereka masuk ke universiti. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar; ini di bawah disiplin.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang ada berlaku tetapi kes-kes ini tak banyak, tetapi kalau ada kes-kes yang spesifik, Kementerian atau pegawai-pegawai kanan Kementerian saya akan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Abu Bakar bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan guru-guru telah diberi kursus tentang cara mengajar Ilmu Hisab dan Sains. Jadi, saya ingin tahu yang pertama, adakah guru-guru yang telah mengikuti kursus itu menggunakan pengajaran itu dengan sebaik-baiknya untuk menyampaikan matapelajaran berkenaan kepada murid-murid. Yang kedua, adakah peruntukan yang telah diberi itu benar-benar dibelikan alat-alat sains untuk bantuan guru-guru itu mengajar. Yang ketiga, adakah alat-alat bantuan UNICEF yang diterima itu disampaikan kepada sekolah-sekolah di luar bandar?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan pertama, bila kita memberikan kursus atau latihan kepada guru-guru tentulah berdasarkan satu konsep bahawa mereka mestilah mengajar dengan sebaik-baiknya bila mereka ditempatkan di sekolah-sekolah, khasnya untuk matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab. Kita ada buat kajian yang banyak dalam Kementerian iaitu masih ada kekurangan dalam kelengkapan atau kecergasan dalam sekolah-sekolah rendah kita, khususnya murid-murid Melayu masih ada kelemahan dalam mata pelajaran Sains dan Ilmu Hisab. Dengan sebab itu, Kementerian Pelajaran berusaha dengan bersungguh-sungguh dan juga memberikan kursus-kursus, khasnya untuk guru-guru kita supaya mereka boleh dapat lebih memuaskan dalam mengajar dua matapelajaran ini

dan mereka mestilah mendapat satu latihan yang cukup baik dan juga mempunyai satu konsep mengajar dengan baik bila mereka ditempatkan di sekolah-sekolah khasnya di kawasan luar bandar.

Jadi, ketiga-tiga buah negeri di Semenanjung Malaysia di Pantai Timur khasnya di negeri Kelantan kita akan beri perhatian yang lebih terhadap perkara ini.

Sila ulang soalan yang kedua.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan yang kedua, peruntukan yang diberi oleh Kementerian yang berkenaan adakah dibelikan ataupun digunakan dengan sebaik-baiknya untuk keperluan matapelajaran Ilmu Hisab dan Sains?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Peruntukan yang diberi untuk membeli alat-alat sains.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah ini untuk membeli alat-alat bagi pelajaran Sains dan Ilmu Hisab, ini memang benar dan inipun menjadi satu daripada dasar Kementerian Pelajaran.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu bertanya adakah dibeli dengan sebaik-baiknya? (*Ketawa*) Itu pertanyaannya.

Tuan Chan Siang Sun: Apakah soalnya, Tuan Yang di-Pertua? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah peruntukan itu untuk membeli alat-alat ini dibeli dengan baiknya? Itu pertanyaannya.

Tuan Chan Siang Sun: Digunakan dengan sebaik-baiknya, begitu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chan Siang Sun: Ya, itu benar? (*Ketawa*). Alat-alat ini tujuannya untuk menambahkan pengetahuan, lebih pengalaman untuk guru-guru dan juga untuk murid-murid supaya mereka boleh belajar dengan lebih rajin dan dengan lebih faham dalam matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab.

Soalan yang ketiga? (*Ketawa*).

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga, alat-alat

bantuan yang diterima daripada UNICEF itu adakah diberi kepada sekolah-sekolah luar bandar ataupun dalam bandar sahaja?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini saya fikir memang semua diberi sama rata (*Ketawa*), tetapi lebih-lebih lagi untuk murid-murid di luar bandar. Itu adalah tujuan kita supaya dalam satu masa yang singkat kita berharap dapat menseimbangkan matapelajaran di luar bandar dengan dalam bandar—dapat disamakan (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Janganlah buat tangan begini (*Ketawa*). Itu lain maknanya (*Ketawa*).

KADAR BAYARAN RAWATAN DI HOSPITAL

5. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar Kerajaan bercadang hendak menaikkan bayaran hospital, dan jika benar sila butirkan kadar-kadar bayaran yang tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Ya. Kementerian saya ada bercadang hendak menaikkan kadar bayaran rawatan di hospital berikutan dengan perkembangan dan kemajuan kemudahan-kemudahan rawatan yang diberikan oleh Kerajaan. Kadar-kadar baru ini adalah di dalam pertimbangan oleh Kerajaan pada masa sekarang.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian bercadang hendak mengurangkan bayaran itu di antara mereka yang bergaji dan hidup di luar bandar dengan mereka yang berada di dalam bandar?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi ialah perkara ini adalah di dalam pertimbangan oleh Kerajaan. Setakat ini saya tidak boleh memberikan apa-apa butir-butir yang berkenaan. Apa yang saya boleh sebutkan di sini ialah penduduk-penduduk di kawasan luar bandar adalah memberikan kajian dengan tidak membayar apa-apa tambahan. Ini adalah satu masalah yang diambil kajian oleh Jawatankuasa pada masa sekarang.

SIARAN TV TERUS-MENERUS

6. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Penerangan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan 2 saluran TV bagi negeri Sabah dan Sarawak (satu saluran Kebangsaan iaitu rancangan terus-menerus dari ibu kota dan satu lagi saluran tempatan iaitu dari studio tempatan);
- (b) kiranya belum ada rancangan demikian, samada Kerajaan bercadang menyalurkan rancangan terus-menerus ini bagi kedua-dua saluran dari ibu kota; dan
- (c) samada rancangan TV terus-menerus ini hendak dibaiki lagi supaya masa bagi rancangan-rancangan kejadian tempatan bagi sesebuah negeri itu ditambah dari satu masa ke satu masa, kiranya ya, apa rancangan itu dan kiranya tidak, mengapa.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekarang ini Sabah dan Sarawak sudahpun menerima dua siaran iaitu, satu Siaran Nasional terus daripada Kuala Lumpur yang mula pada pukul 9.00 malam waktu Sabah dan Sarawak hinggalah ke larut malam. Siaran ke 3 yang dipancarkan dari Kota Kinabalu bermula pada pukul 5.30 petang waktu Sabah dan Sarawak hingga ke pukul 9.00 malam waktu Sabah dan Sarawak. Isi kandungan siaran ketiga adalah ditujukan kepada keperluan penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak.
- (b) Pada masa ini tidak ada kemudahan teknikal yang membolehkan kedua-dua siaran (Network I dan II) dipancarkan dengan serentak daripada Ibu Kota ke Sabah dan Sarawak.
- (c) Memanglah menjadi tujuan RTM untuk memperbaiki siaran TV terus-menerus dari masa ke semasa. Dalam tahun hadapan kita berharaplah akan mendapat memperoleh bahan kebudayaan yang beranika-warna daripada suku-suku kaum di Sarawak untuk

ditunjukkan sebagai item kebudayaan di seluruh Malaysia.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam menjawab soalan (b), beliau mengatakan buat masa sekarang tiada kebolehan untuk memberi dua channel. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bilakah Kementerianannya akan memberi dua channel kepada pendengar-pendengar di Sabah dan Sarawak atau dasar Kementerianannya cuma hendak memberi satu channel sahaja?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, dasar kita ialah hendak memberi treatment kepada semua rakyat Malaysia samada di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan Sarawak. Pada ketika ini kebolehan kita mengadakan technical facilities yang boleh accommodate second channel. Sebenarnya, pada tahun ini pun kita telah berbelanja hampir \$7 juta untuk menyewa satellite sahaja. Kalau kita adakan lagi satu channel, maka kita terpaksa berbelanja capital cost yang banyak untuk relay transmission daripada Sabah ke Kuching dan untuk menyewa lagi di bawah recurrent cost space dalam satellite.

MEROSAKKAN HARTA BENDA KERAJAAN/ORANG AWAM

7. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk bertindak dengan lebih tegas lagi kepada mereka yang merosakkan harta benda Kerajaan dan Orang Awam; dan
- (b) mengenai pengedar dan penagih dadah adakah Kerajaan akan bertindak untuk menggantung kerakyatan mereka, ibubapa dan keluarga mereka untuk tempoh yang ditentukan atau melucutkan terus menerus.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Peraturan-peraturan Perlu Darurat (Kes-kes Keselamatan), 1975 yang diadakan baru-baru ini adalah suatu

cubaan oleh pihak Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang dicadangkan itu.

- (b) Langkah-langkah yang dicadangkan itu tidak boleh dilaksanakan oleh kerana tidak mengikut kehendak atau bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan negeri kita.

WAKIL PERSATUAN PENGGUNA DALAM JAWATANKUASA PENILAI HARGA

8. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Persatuan Pengguna tidak diwakili oleh Jawatankuasa Penilai Harga dan samada beliau akan berbuat demikian di masa yang akan datang. Adakah beliau bercadang membentuk Badan Keadilan Harga (Price Justification Tribunal) yang diwakili oleh semua termasuk Persatuan Pengguna.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Persatuan Pengguna tidak diwakili terus di dalam Jawatankuasa Penilai Harga ataupun Price Review Committee ianya berpeluang memberikan pendapat dan pandangan bagi pihak Persatuan Pengguna melalui Pengerusi Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan ataupun National Advisory Council for Consumers Protection yang menjadi ahli di dalam Jawatankuasa Penilai Harga. Persatuan Pengguna tidak diwakili di dalam Jawatankuasa Penilai Harga oleh kerana ianya telah diwakili melalui Pengerusi Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Persatuan Pengguna ada mempunyai 5 orang wakil di dalam Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Segala pandangan dan pendapat pihak pengguna bolehlah dibangkitkan di dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Penilai Harga oleh Pengerusi Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan yang saya katakan tadi menjadi seorang daripada ahli di dalam Jawatankuasa Penilai Harga. Oleh kerana itu, tidak payahlah diadakan seorang wakil pengguna lagi dilantik terus menjadi ahli dalam Jawatankuasa Penilai Harga.

Menyentuh tentang Badan Keadilan Harga (Price Justification Tribunal), Kementerian

saya tidaklah bercadang untuk menubuhkan badan yang sama oleh kerana kita berpendapat jentera-jentera yang ada sekarang seperti Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan dan Jawatankuasa Penilai Harga adalah buat masa ini mencukupi.

PESURUHJAYA PERDAGANGAN DI LUAR NEGERI

9. Raja Nasron bin Raja Ishak (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau telah mencari jalan supaya tugas dan peranan Pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri akan lebih berkesan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti Pesuruhjaya Perdagangan yang berkhidmat di seberang laut adalah sentiasa diawasi oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan melalui Seksi Galakan Ekspot yang menyelaraskan tugas-tugas Pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut. Tiap-tiap Pejabat Perdagangan adalah dilengkapi dengan rancangan kerja tahunan yang mengandungi rancangan Galakan Ekspot yang tertentu dan dikehendaki menjalankan kerja masing-masing mengikut rancangan tersebut.

Di samping itu juga Pesuruhjaya Perdagangan adalah dikehendaki menyediakan lapuran-lapuran khas seperti berikut:

- (1) Lapuran bulanan yang mengandungi pertanyaan-pertanyaan perdagangan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Pesuruhjaya Perdagangan untuk menyebarkan pertanyaan tersebut kepada pengeksport-pengeksport di negara ini.
- (2) Lapuran suku-tahun yang mengandungi kegiatan Pejabat Perdagangan bagi tiap-tiap suku-tahun.
- (3) Lapuran mengenai perubahan peraturan dan dasar perdagangan di negeri yang mereka bertugas. Lapuran ini juga mengandungi perubahan aturcara pellesenan impot, cukai impot serta perubahan dasar ekonomi, politik dan kewangan.

Aktiviti-aktiviti Pesuruhjaya Perdagangan adalah dinilai oleh Kementerian pada tiap-tiap enam bulan sekali dan hasil dari-

pada penilaian tersebut termasuk kelemahan-kelemahan seorang Pesuruhjaya Perdagangan adalah diberitahu kepada mereka supaya mereka dapat memperbaiki kerja masing-masing. Jika ada kelemahan-kelemahan yang terdapat, Kementerian akan mengambil tindakan yang segera untuk memperbaiki kelemahan tersebut. Dalam pada itu, memandangkan kepada perkembangan pesat di bidang perdagangan antarabangsa menyebabkan perlunya susunan jentera Pesuruhjaya Perdagangan dan tugas pegawai-pegawainya diubahsuaikan dengan perubahan-perubahan yang berlaku dan yang akan berlaku di dalam setengah-setengah bidang perdagangan antarabangsa sekarang, maka Kementerian saya adalah sekarang membuat kajian dengan tujuan memperkemaskan lagi jentera Pesuruhjaya Perdagangan dan menjadikan tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai ini lebih-lebih berkesan lagi dari masa lepas, khususnya dari segi memperluaskan lagi pasaran-pasaran bagi bahan mentah dan barang-barang pengeluaran negara kita.

NILAI HARGA TANAH

10. Tuan Samsudin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri dengan Tugas-tugas Khas menyatakan faktor-faktor asas yang digunakan sekarang untuk menilai harga tanah-tanah yang diambil balik oleh Kerajaan bagi kegunaan satu-satu projek pembangunan, dan samada beliau sedar bahawa cara penilaian yang dijalankan sekarang ini boleh menimbulkan sebarang penganiayaan terutama kepada pemilik-pemilik tanah bumiputra di luar bandar.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor asas yang digunakan sekarang untuk menilai harga tanah yang diambil balik oleh Kerajaan bagi kegunaan satu-satu projek pembangunan adalah termaktub di bawah Jadual Pertama kepada Undang-undang Pengambilan Tanah Nombor 34 tahun 1960. Di antara faktor-faktor yang penting iaitu:

- (a) Harga pasaran yang berasaskan kepada harga jual beli yang dilakukan kepada tanah yang hendak diambil balik itu atau tanah-tanah yang berhampiran sebelum tarikh pengeluaran *Warta* Kerajaan mengenai maksud ini dengan

mengambil perhatian di atas segi kegunaan tanah ataupun atas apa-apa syarat nyata atau syarat-syarat khas yang tercatat di dalam surat hak milik berkenaan;

- (b) kenaikan harga tanah-tanah yang lain yang dipunyai oleh pihak yang ada kepentingan disebabkan oleh kegunaan kepada tanah yang akan diambil itu;
- (c) kerugian yang dialami atau yang akan dialami oleh pihak yang ada kepentingan kepada baki tanahnya disebabkan oleh pengambilan ini;
- (d) kerugian yang dialami atau yang akan dialami oleh pihak yang ada kepentingan oleh sebab pengambilan ini, akan membahayakan hartanya (yang kekal atau yang boleh diubah-ubah) atau atas pendapatannya;
- (e) jika oleh sebab pengambilan ini dia terpaksa pindah perbelanjaan bagi perpindahan ini; dan
- (f) mengambil perhatian di atas segi kegunaan tanah ataupun atas apa-apa syarat nyata atau syarat khas yang tercatat di dalam surat hak milik berkenaan.

Saya berpendapat penganiayaan seperti disebutkan Yang Berhormat itu mungkin tidak berlaku kerana di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 tuan-tuan yang tidak puas hati di atas bayaran harga tanah bolehlah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi untuk menentukan samada harga nilaian yang telah ditentukan itu mensabah atau sebaliknya.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa harga nilaian yang selalunya diberi di atas tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan adalah kurang memuaskan dan kebanyakan daripada orang-orang luar bandar tidak mengharapakan kes-kes itu kepada mahkamah, kerana mereka tidak tahu dan kurang faham selok-belok hendak membawa kes ini ke Mahkamah.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang biasa berlaku tetapi ini memang menjadi tabiat manusia harga yang ditetapkan oleh pihak yang berkenaan sebegitu banyak mereka kata tidak cukup. Walau bagaimanapun, provision ada dibuat

di dalam Undang-undang Pengambilan-balik Tanah iaitu jikalau seseorang itu tidak puas hati atas nilaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa mereka bolehlah mengemukakan perkara ini kepada pihak mahkamah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa di dalam tindakan Kerajaan untuk mengambil balik tanah untuk kegunaan Kerajaan sendiri, berlaku penilaian yang telah dibuat itu terlampau murah kadang-kadang separuh daripada harga yang sepatutnya ataupun harga pasaran semasa, sedangkan pihak tuan-tuan tanah telah berunding, tetapi sebagaimana Yang Berhormat dari Sepang kata tadilah bahawa masalah ini bila sampai ke peringkat tengah dan tinggi orang-orang kampung sudah tentu tidak dapat menguruskannya dengan sempurna. Apa yang saya ingin tahu dan penjelasan mengenai ketetapan harga sedangkan pihak Kerajaan sendiri pada waktu itu tahu tanah yang di sebelahnya itu lebih kurang separuh daripada harga yang ditawarkan, yang dijual oleh orang sebelah itu lebih mahal, lebih kurang separuh daripada harga yang dibayar oleh Kerajaan. Jadi, kalau sedar tindakan-tindakan seperti ini, apakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang mengubah peraturan dan syarat Undang-undang Tanah yang ada sekarang ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab iaitu boleh merayu. Minta beliau suruh apa lagi?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tetapi rayuannya itu yang lepas-lepas tidak ada berkesan, Kerajaan tetap bayar dengan harga yang hendak dibayarnya juga.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu saya percaya tidak betul, kerana mengikut undang-undang ini kalau seseorang itu tidak puas hati, maka beliau bolehlah mengadu kepada pihak mahkamah yang mempunyai satu keputusan muktamad.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa setengah-setengah kes di mana tanah itu telah diambil oleh Kerajaan, harga-harga tanah ataupun compensationnya itu begitu kecil sehinggakan

tidak menasabah perkara itu dihadapkan kepada mahkamah sungguhpun mereka tidak puashati tetapi oleh kerana harga tanah itu tidak begitu besar dan tidak menasabah dibawa ke mahkamah maka mereka telahpun sedikit-sebanyak kurang puashati dengan keadaan sedemikian.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, penilaian harga tanah ini adalah berpandu kepada beberapa prinsip yang saya sebutkan tadi. Jadi, kalau seseorang itu tidak mahu mengadu dengan pihak berkenaan tidaklah kita dapat menyalahkan pihak Kerajaan. Kesalahan itu adalah terpulang kepada tuan punya tanah itu sendiri.

PEKERJA KILANG KAYU-LAPIS/PAPAN

11. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat setengah-setengah kilang kayu-lapis dan kilang-kilang papan mengambil buruh bekerja secara kontrek bayarannya adalah tinggi tetapi mereka tidak mendapat apa-apa kemudahan lain dari segi keselamatan sosial. Kalau ya, bilakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan amalan tersebut di negara ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada pekerja-pekerja yang tertentu di kilang-kilang kayu-lapis dan kilang-kilang papan mengikut kebiasaannya digaji secara kontrek buruh kumpulan (collective gang contract). Ini termasuklah pengilang-pengilang papan dan lain-lain operator mesin, mereka bekerja sebagai kon-trektor bebas dan dibayar mengikut pengeluaran mereka. Setengah-setengah daripada mereka mendapat bayaran yang lumayan sungguhpun mereka tidak diberi faedah keselamatan sosial dan lain-lain. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telahpun menubuhkan suatu Jawatankuasa Kecil di bawah Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengkaji masalah-masalah yang berkaitan dengan buruh-buruh kontrek dan untuk membuat perakuan-perakuannya.

DOKTOR/PAKAR DIPINJAMKAN KE SARAWAK

12. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan keperluan doktor-doktor dan

pakar-pakar di Sarawak apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melatih doktor-doktor dan pakar-pakar bagi memperbaiki perkhidmatan perubatan Negeri.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah memberi pertimbangan istimewa untuk menghantar dari masa ke semasa doktor-doktor dan pakar-pakar ke Negeri Sarawak secara pinjaman daripada Perkhidmatan Semenanjung Malaysia. Pada ketika ini terdapat sebanyak 8 Pegawai Perubatan dan Pakar daripada Semenanjung Malaysia yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Sarawak secara pinjaman. Dalam pada itu, sebelum daripada berkuatkuasanya dasar jimat cermat, Sarawak telah diberi kebenaran untuk mengambil terus persendirian doktor-doktor dan pakar-pakar bukan warganegara yang mempunyai kelayakan yang diwajibkan. Langkah-langkah lain yang diambil ialah dengan menawarkan biasiswa samada di atas anjuran Kerajaan Persekutuan atau Badan-badan Antarabangsa kepada pelajar tempatan yang layak menjalani kursus di dalam bidang Perubatan atau Pergigian dan juga pengambilan dibuat bagi calon-calon tempatan yang pengajiannya bukan dianjurkan oleh Kerajaan yang telah bermohon untuk berkhidmat dengan Perkhidmatan Sarawak.

SOALAN NO. 13 DITARIK BALIK

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan No. 13 Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Sidin telah menarik balik soalnya.

JALAN SARIKEI/BINATANG

14. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bila kerja-kerja menabur tar di Jalan Sarikei/Binatang akan diselesaikan kerana masih terdapat beberapa batu sahaja yang belum ditar.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Jalan Sarikei/Binatang adalah merupakan sebahagian dari Jalanraya Kuching/Sibu dan Kerja-kerja melapis bitumin di bahagian-bahagian jalan yang belum

ditar dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

BANTUAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

15. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah orang yang sedang menerima bantuan kebajikan masyarakat di:

- (i) Sungai Siput (U);
- (ii) Chemur;
- (iii) Tanjong Rambutan;
- (iv) Gopeng;
- (v) Malim Nawar;
- (vi) Jelapang; dan
- (vii) Kampung Baru Kuala Kuang.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Menteri yang berkenaan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu seperti berikut:

(i) Sungai Siput Utara	...	1,135	orang
(ii) Chemur	...	56	"
(iii) Tanjong Rambutan	...	25	"
(iv) Gopeng	...	104	"
(v) Malim Nawar	...	51	"
(vi) Jelapang	...	23	"
(vii) Kampung Baru Kuala Kuang	...	4	"

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG WASIAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Wasiat, 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (27hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani untuk menyambung ucapannya.

Kepala B. 16 (Jadual)—

Kepala P. 16 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.08 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, semalam saya berhenti setakat memberikan ucapan tahniah kepada Kerajaan yang dapat mengadakan rumah-rumah murah bagi rakyat yang tidak mampu membeli rumah-rumah yang dibina oleh swasta. Di dalam pemberian rumah-rumah ini, saya suka menegaskan di sini iaitu di dalam pemberian rumah murah patutlah diutamakan kepada wanita-wanita, walau wanita itu seorang janda sekalipun kerana seorang janda itu kadang-kadang dia mempunyai ramai anak, jadi kalaulah

Tuan Pengerusi: Hartanya macammana pula?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Saya tidak dengar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Hartanya macammana?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Hartanya itu tidak tentu, kadang-kadang tidak ada harta. Jadi, bila tidak ada rumah lagi susah bagi seseorang janda itu hendak menjaga anak-anaknya. Tetapi dalam masa temuduga, pegawai-pegawai temuduga itu selalu mementingkan kaum lelaki sahaja, dia ingat orang lelaki itu ada kerja boleh mampu membayar, tetapi kadang-kadang kalau kita bandingkan dengan cara berhutang sekalipun wanita sanggup membayar kerana kadang-kadang lelaki banyak yang kurang.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya suka bercakap di sini berkenaan dengan rumah-rumah flat. Rumah-rumah flat kadang-kadang tidak ada padang permainan, patutlah diberi kemudahan kerana banyak kanak-kanak di situ jadi patut Kerajaan mengadakan padang permainan. Di samping itu pula di rumah-rumah flat patutlah kita adakan sebuah Dewan Serbaguna. Kadang-kadang kalau ada nikah-kahwin, bila hendak naik ke tingkat atas itu payahlah bagi orang-orang jemputan hendak naik. Kalau kita adakan sebuah dewan bukan sahaja boleh digunakan setakat nikah-kahwin bahkan pada masa kematian. Pada ketika hendak mati bolehlah dibawa si sakit itu turun dan tidak menyusahkan kalau ada satu-satu hal berlaku. Kalau apa-apa berlaku di tingkat yang habis tinggi sekali, Tuan Pengerusi, bagi pendapat saya susahlah sedikit. Dalam perjumpaan-perjumpaan seperti Rukun Tetangga di mana-mana satu kawasan rumah flat kalau sekiranya kita adakan sebuah dewan, senanglah perhimpunan itu dibuat di situ.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pemaju-pemaju perumahan (housing developers). Mereka mengambil keuntungan yang sangat besar secara menjual rumah-rumah dengan harga yang begitu mahal.

Tuan Pengerusi, pemaju-pemaju rumah ini bila dijual rumah-rumah yang mahal ini, orang-orang yang mampu dan orang-orang yang kaya sahaja dapat membelinya. Yang miskin pula tidak dapat membeli rumah-rumah itu. Mereka bukan sahaja tidak ada rumah malah tanah pun tidak ada. Mereka ini buat rumah di tepi-tepi sungai dan juga setengahnya itu di pinggir-pinggir bandar atau di tanah-tanah Kerajaan.

Selepas rumah itu di buat, datang pula Pegawai-pegawai Kerajaan, Bahagian Tanah meminta mereka itu keluar dan kadang-

kadang memberi notis 14 hari meminta mereka merobohkan rumah-rumah itu di bawah seksyen 426, kalau tidak salah saya. Jadi, inilah masaalah yang menimpa orang-orang yang tidak ada rumah.

Tuan Pengerusi, menyentuh dengan pemaju-pemaju rumah tadi bila sudah ada tanah, mereka ini pun buatlah rumah. Mereka tidak peduli di mana air najis daripada rumah yang dijual tadi hendak mengalir. Jadi orang-orang yang berhampiran, orang-orang kampung yang berdekatan dengan projek perumahan yang dibuat oleh swasta tadi teraniaya. Kerana saluran air najis tidak difikir sama sekali. Apabila siap sahaja rumah dijual, tinggallah segala parit-parit di situ, kadang-kadang penuh dengan kayu-kayu patah, batu-batu pecah. Sudahlah tidak ada paip tertentu untuk air najis mengalir, parit-parit yang ada semua terkambus. Inilah masaalah pemaju-pemaju rumah yang kita nampak yang sudah mengambil untung yang banyak mereka tidak pedulikan kesihatan orang-orang yang berdekatan di situ.

Tuan Pengerusi, di dalam masaalah ini, saya sukalah merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya pemaju-pemaju ini dapat mengikut syarat-syarat yang tertentu dan kalau mereka tidak dapat mengikut syarat-syarat itu, jangan berikan lesen-lesen kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya suka juga memberitahu iaitu Kerajaan Pusat patutlah memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk membeli tanah-tanah ladang, jika ada tanah-tanah ladang getah hendak dijual patutlah Kerajaan Negeri, kalau tidak ada wang meminjam kepada Kerajaan Pusat supaya di atas tanah-tanah ini kita boleh jadikan lot-lot untuk diberi kepada orang-orang yang tidak ada rumah. Kalau kita tidak buat dengan cara begini, kita tidak dapat menghapuskan rumah-rumah haram. Jadi, dengan cara begini, Tuan Pengerusi, dapatlah orang-orang yang tidak mampu, yang tidak ada tanah, tidak ada rumah mendirikan rumah-rumahnya untuk kediaman mereka.

Setakat inilah sahaja, Tuan Pengerusi.

3.23 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan sebanyak \$17,410,239 bagi Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

Tuan Pengerusi, perumahan telah menjadi masalaah utama negara. Bilangan penduduk yang tiada berumah adalah selari dengan pertumbuhan negara. Peruntukan perumahan bagi seluruh rakyat negeri ini adalah satu tugas yang susah untuk diatasi. Tetapi, dalam pada itu pertimbangan yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan itu adalah dialu-alukan. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mencapai tujuan sekim perumahan yang demokratik, tetapi peruntukan tidak begitu mencukupi untuk membendung tuntutan yang diperlukan oleh negara.

Tuan Pengerusi, orang-orang miskin di seluruh dunia secara senyap telahpun memperkenalkan sumbangan mereka terhadap satu masyarakat yang berkepunyaan rumah menerusi pembinaan rumah-rumah haram yang telahpun menjadi satu benda yang menjolok mata dalam alam sekeliling moden sekarang ini.

Kita telahpun mengambil tindakan undang-undang yang secukupnya untuk mengawal kegiatan-kegiatan seperti ini. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, sebab-sebab perubahan ini haruslah diteliti dengan betul dan harus kita memahami keadaan-keadaan dalam mana rumah-rumah haram ini dibina.

Tuan Pengerusi, saya suka menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telahpun meluluskan \$10 juta untuk perumahan luar bandar. Ini adalah satu langkah yang baik terhadap mencapai tujuan-tujuan itu. Dengan mengkaji keperluan, saya rasa kita masih memerlukan lebih kurang 500,000 yang harganya lebih kurang \$3,000 juta untuk melaksanakan rancangan-rancangan memenuhi rumah secara demokrasi dengan seriusnya. Akan tetapi oleh kerana sebab-sebab kesukaran ekonomi sekarang maka kita tidak dapat mengujudkan satu sekim yang amat besar seperti itu.

Tuan Pengerusi, Malaysia amat terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai kayu-kayu jenis yang baik di dalam dunia. Dalam persidangan belanjawan yang lepas, kita mendebatkan dengan serius tentang langkah-langkah menggunakan kayu-kayu tempatan bagi tujuan perumahan. Tetapi, sejak itu tidak ada sebarang perlaksanaan yang dilakukan terhadap cadangan itu. Untuk mencapai tujuan kita, galakan sahaja tidak memberi unsur penilaian tetapi mengujudkan cara-cara perlaksanaan maksud itu adalah mustahak.

Saya mencadangkan, Kementerian yang berkenaan mestilah diperkenalkan sistem rumah papan atau dalam bahasa Inggeris Prefabricated System of Housing yang seumpama itu hendaklah diperkenalkan oleh agensi Kerajaan di bawah kawalan Kementerian di mana kilang-kilang akan didirikan di tiap-tiap negeri dalam Malaysia. Dengan cara itu, rumah-rumah papan prefabricated akan dapat dibuat dengan banyak. Rumah-rumah jenis itu kalau dibuat akan dapat disesuaikan dengan keadaan kedudukan ekonomi rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, kilang-kilang yang dimiliki oleh Kerajaan seumpama itu akan juga dapat memberikan peluang pekerjaan. Di samping mendapatkan rumah-rumah jenis baik dan kualiti yang tinggi Kerajaan akan juga mengujudkan good quality control bagi yunit-yunit perumahan yang dibina.

Tuan Pengerusi, yunit-yunit itu kalau ditubuhkan ke seluruh negeri dalam Malaysia akan juga mengurangkan cost pengangkutan kepada yunit-yunit itu. Depo-depo perkayuan Kerajaan di seluruh negeri akan dapat digunakan untuk menolong Kerajaan dalam pembekalan kayu-kayu bermutu tinggi kepada pembuat-pembuat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, untuk bergantung kepada sektor swasta memberikan kerjasama mereka untuk menjayakan polisi Kerajaan, saya berharap tujuan memiliki rumah sendiri yang demokratik adalah sebagai satu mimpi sahaja.

Sektor swasta akan menimbangkan perkara itu dari segi keuntungan mereka sahaja. Dengan demikian, tidak akan mungkin memberi sumbangan mereka ke arah cita-cita kita. Sektor swasta kita akan cuba menaikkan cost kayu perumahan. Selari dengan cost pembinaan rumah-rumah batu. Justru itu, kita tidak boleh mengharap mereka. Sebarang bentuk sekim perumahan oleh sektor swasta tiada mampu dicapai oleh orang-orang miskin.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mencadangkan bahawa kerjasama penuh Kerajaan hendaklah disertakan untuk menjayakan polisi kita. Kita menggalakkan pembinaan rumah-rumah tetapi sebaliknya orang-orang tidak pula diberi geran-geran tanah.

Tuan Pengerusi, keperluan rumah sekarang ujud bukan sahaja di bandar-bandar malahan di luar-luar bandar juga. Tujuan kita membelanjakan sebanyak \$10 juta wang pusingan bagi membina rumah-rumah di luar-luar

bandar haruslah digunakan dengan penuh berhasil sekali.

Rumah-rumah prefabricated boleh dijual dalam bentuk pinjaman dari Kerajaan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Rumah-rumah prefabricated Kerajaan dibina di mana-mana tempat yang ada keperluannya. Dengan unit rumah-rumah ini disertai dengan subsidi wang tunai dan Kerajaan dalam bentuk pinjaman boleh menolong kita mengujudkan satu masyarakat luar bandar yang berkepunyaan rumah.

Tuan Pengerusi, dalam mana-mana rancangan hendaklah menjayakan rancangan-rancangan rumah. Kita harus meminta kerjasama daripada Kerajaan Negeri dalam perkara memberi title lease atau geran tanah untuk tanah-tanah yang telah diberi kepada Kampung-kampung Baru. Ini akan membolehkan mereka memajak geran tanah semacam ini sebagai jaminan untuk mendapatkan pinjaman. Akan tetapi malang sekali susah hendak mempercepatkan perkara ini di peringkat Pejabat Daerah.

Tuan Pengerusi, ini nampaknya seperti mengikat seekor kerbau dan seekor kuda untuk menarik serentak sebuah kereta.

Tuan Pengerusi: Ini sudah dua kali sebut kuda?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi: Kementerian dahulu pun sebut kuda juga. Sila teruskan.

Tuan S. Samy Vellu: mengharapkan ke dasaran dalam jentera Kerajaan. Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun sesebuah Kerajaan yang dipilih untuk mencapai suatu tujuan hanya akan berjaya sekiranya kita ada pekerja-pekerja yang dedikasi. Oleh yang demikian, seperti mana yang saya sebutkan tadi Kerajaan yang dipilih oleh rakyat adalah seperti seekor kuda, kalau diikat sama dengan kerbau seperti pekerja-pekerja yang tidak berdedikasi akan gagal dalam mencapai tujuan-tujuan mereka.

Tuan Pengerusi, 20 tahun dahulu bila Kampung-kampung Baru telah ditubuhkan, Kerajaan British telah berjanji kepada penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru yang mereka akan diberi title atau geran tanah secepat yang mungkin. Kerajaan British juga telah berjanji sebaik sahaja masa

dharurat tamat, setiap keluarga akan diberi tanah-tanah tambahan untuk tanaman. Setelah Kampung-kampung Baru selesai ditubuhkan, Kerajaan telah berjaya sehingga mengikat kegiatan yang tidak diinginkan oleh kominis.

Dalam perkara Kampung-kampung Baru ini kelahirannya pada pandangan saya tiadalah berjalan dengan licin. Sejak ia diwujudkan keadaannya kian menjolok mata, menyebabkan berjuta-juta rakyat Malaysia di Kampung-kampung Baru yang berjumlah 465 buah yang ada di negara kita ini adalah sebagai sebuah rantau taklok yang kecil kepada orang-orang miskin, ataupun boleh diibaratkan sebagai sebuah tempat sesak bagi negeri ini.

Tuan Pengerusi, 20 tahun yang silam, Kerajaan British mendirikan Kampung-kampung Baru sebagai

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu! Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Pecahan-kepala mana?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, P. 16, Pecahan-kepala 31—Kampung-kampung Baru.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Tuan S. Samy Vellu: Kerajaan British mendirikan Kampung-kampung Baru sebagai Pembedahan "Caesarean" atau sebagai kelahiran bayi yang belum cukup masa. Tuan Pengerusi, mengapa saya mensifatkan sebagai kelahiran bayi yang belum cukup masa kerana dihalakan tanpa menimbangkan suasana masa depan dan kebajikan penduduk-penduduknya. Ia dibuat semata-mata untuk memenuhi keperluan keselamatan Kerajaan secara spontan. Penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru yang berkenaan merasakan diri mereka sebagai sekumpulan manusia yang tertinggal dalam suasana hidup bermasyarakat tanpa sebarang perubahan yang berlaku di sekeliling kediaman mereka. Kampung-kampung Baru yang didirikan oleh British adalah untuk memisahkan penduduk-penduduk luar bandar dari pengaruh kominis.

Tuan Pengerusi, pada masa dahulu bila Kerajaan British masih berkuasa lagi, tanah-tanah telah diuntukkan untuk penghuni-penghuni Kampung-kampung Baru untuk tanaman. Sebenarnya, satu kajian yang mendalam dan betul akan memberikan kepada

kita bahawa 65% sayur-sayuran yang digunakan oleh negara kita datangnya daripada kerja-kerja yang dibuat oleh penghuni-penghuni Kampung Baru.

Tuan Pengerusi: Masa Ahli Yang Berhormat sudah sampai. Sila beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain.

3.34 *ptg.*

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai perbelanjaan bagi Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru di bawah Kepala B. 16 dan P. 16 di mana peruntukan sebanyak \$17,410,220 bagi B. 16 dan P. 16 dianggarkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin bercakap dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Bila hendak bercakap dalam Bahasa Malaysia tidak payah minta izin. Ahli Yang Berhormat sudah lancar bercakap dalam Bahasa Malaysia, teruskan sahaja dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Tan Cheng Bee: Di dalam Semenanjung Malaysia ada sebanyak 465 buah Kampung-kampung Baru dan angka-angka penduduk kalau tidak salah saya adalah tidak kurang daripada 1 juta orang penduduk. Jikalau Yang Berhormat Menteri hendak melawat dengan rasmi tiap-tiap kampung, saya rasa beliau hendaklah mengambil tidak kurang daripada 1½ tahun baru boleh habis lawatan itu.

Sir, looking at the number of the new villages

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat belum dapat izin lagi untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Tan Cheng Bee: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, kemudian saya akan sambung lagi dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Kalau sedikit tidak mengapa.

Tuan Tan Cheng Bee: Sir, looking at the number of the new villages scattered over Semenanjung Malaysia and the number of people residing therein, one would assume that this Ministry is quite an important

Ministry dealing with a million people who are mostly very poor. Therefore, I consider an allocation of \$1,096,000 under Subhead 31, Head P. 16 for grants to projects in 465 new villages in Semenanjung Malaysia totally inadequate.

Sir, these poor simple kampung folks were made to move into the new villages leaving their homes and other properties during the height of the Emergency just after the re-occupation with the promise that they would be allotted land for erecting their homes and even for cultivation. These villagers have now lived there for over 30 years with no prospect of a better life or benefits coming their way. They feel that they have been neglected and forgotten. The roads, the drains, the schools and other utility services in the new villages have fallen into irreparable condition due to wear, tear and neglect. Only in the middle of 1972, this Ministry was first created after much criticism and the first Minister then, Senator Dr Lim Keng Yaik with the first flush of enthusiasm visited the villages in my Kawasan of Bukit Mertajam and made many promises which were never fulfilled. A change of Minister took place six months later, and when he visited these villages and dished out some money for the villages, these villagers never knew how the money was spent.

Sir, it is high time that the Government gave some attention to these new villages and worked towards making the lives of these villagers more meaningful. The families in the villages have expanded over the years and plans to allot land for expansion of their homes to accommodate the increased numbers in the families should be made. The Government must provide facilities for the youths to find a more healthy avenue to spend their time in the villages, and I think it is not too much to ask for better school buildings, at least of the type that can be compared favourably with the new Sekolah-sekolah Kebangsaan in the kampung areas.

Tuan, Pengerusi, saya rasa tidak banyak jikalau peruntukan sebanyak \$40 juta diberikan kepada Kementerian ini untuk membolehkan Kementerian ini menjalankan kerja-kerja yang boleh membaiki keadaan di dalam Kampung-kampung Baru supaya penduduk-penduduk boleh hidup dengan sempurna dan membangkitkan keyakinan kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala P. 16, Pecahan-kepala 1 ada peruntukan sebanyak

\$10,704,229 untuk rancangan perumahan awam. Di sini saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan jasa baiknya boleh berhubung dengan Kerajaan di negeri Pulau Pinang untuk mendirikan rumah murah di Kampung Baru seperti di Berapit, Machang Bubuk, Juru dan di Kampung-kampung Baru Permatang Tinggi di kawasan saya, kerana saya tahu di dalam kampung-kampung ini ada tanah-tanah kosong untuk rancangan perumahan. Projek seumpama ini boleh membuktikan kepada rakyat jelata iaitu tujuan Kerajaan hendak betul-betul menunaikan dasar untuk menghapuskan kemiskinan di negara kita.

3.40 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya minta izin untuk bercakap campur-campur dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Sila berucap dalam Bahasa Malaysia dahulu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Kepala B. 16 dan P. 16. Memandangkan betapa pentingnya tugas Kementerian ini kami dengan kesalnya mengatakan bahawa jumlah yang diperuntukkan untuk Kementerian bagi Pembangunan sebanyak \$16 juta langsung tidak mencukupi, jikalau Kementerian ini mahu memenuhi kemahuan-kemahuan dan aspirasi rakyat dalam bidang perumahan dan memajukan kampung-kampung baru di negara kita. Di sini saya ingin merujuk kepada buku Anggaran Belanjawan Tahun 1976 dalam mana ada menyatakan bahawa tujuan-tujuan Kementerian ini ialah untuk merancang dan menyelaras satu rancangan nasional mengenai perumahan awam, khususnya perumahan kos rendah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan juga untuk merancang dan melaksanakan satu rancangan bagi memodenkan kehidupan dan persekitaran kampung baru. Tuan Pengerusi, tujuan-tujuan yang tersebut di atas amat penting akan tetapi kami mahu bertanya kepada Kerajaan bagaimanakah tujuan-tujuan ini dapat dicapai jikalau Kerajaan tidak menganggap Kementerian ini dengan lebih serious dan memperuntukkan lebih banyak wang untuk perbelanjaannya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Kepala P. 16 Pecahan-kepala 1 mengenai Perumahan Awam. Setakat ini perumahan awam merupakan satu masaalah sosial ekonomi yang serious di negara kita khususnya di bandar-bandar.

(Dengan izin) Mr Chairman, housing, after food, constitutes a basic social necessity for the people. However, it is regrettable to note that housing today is simply beyond the reach of the poor and the low income group. The problem of public housing is further aggravated by the prices of privately-built houses which have shot up by leaps and bounds.

Tuan Pengerusi, masaalah perumahan awam semakin hari semakin buruk oleh kerana Kerajaan tidak dapat membina rumah-rumah kos rendah yang cukup untuk memenuhi kehendak rakyat. Antara tahun 1971 dan tahun 1974 sebanyak 9,200 yunit rumah kos rendah telah siap didirikan di Malaysia Barat dan sehingga akhir tahun 1975 adalah dijangkakan sebanyak 2,500 yunit lagi akan siap. Mengikut angka-angka yang tersebut di atas kita boleh dapat tahu bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan hanya dapat membina 11,706 yunit rumah kos rendah. Ini bermakna Kerajaan hanya dapat membina lebih kurang 2,340 yunit rumah setiap tahun pada 5 tahun yang lepas. Ini sangat mendukacitakan dan tentu tidak dapat menolong Kerajaan mencapai apa yang dikatakan sebagai house owning democracy. Oleh hal yang demikian, kami ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula dasar perumahannya untuk memastikan bahawa Kementerian ini boleh diberi peruntukan yang cukup untuk membina perumahan awam.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin juga berucap atas Kepala P. 16 dan saya ingin mengatakan di sini bahawa jikalau saya merujuk kepada buku Anggaran Belanjawan 1976, muka surat 118 di bawah prestasi yang mana mengatakan bahawa Kementerian bercadang untuk bekerja rapat dengan persatuan-persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dan berbagai-bagai Persatuan Pengguna untuk melahirkan suasana yang baik bagi sektor swasta memainkan peranannya mendirikan rumah-rumah dengan harga yang berpatutan dan mengikut kehendak-kehendak tertentu.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara ini saya ingin mengatakan bahawa kerap kali Kerajaan ada menggesa pemaju-pemaju perumahan membantu Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan khususnya rumah-rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, pemaju-pemaju perumahan ini tidak ada memainkan peranan yang giat untuk membantu Kerajaan membina rumah-rumah kos rendah untuk memenuhi kehendak orang yang berpendapatan rendah.

Mr Chairman, I think the time has come for the Government not merely to make calls to the private sector to assist the Government in the building of low-cost homes but also to define and determine the participation of these private housing developers in the construction of low-cost housing schemes to help the low income group to own homes at low-cost. It is undeniable that by nature private housing developers are not interested in building low-cost houses because, with profit-making as their most important objective, they only concentrate in the construction of houses for the high income group. Mr Chairman, I would, therefore, like to propose here the creation of a joint public-private housing programme where the participation of the private sector is defined and determined in regard to the construction of low-cost housing to assist the Government to tackle the needs of the low income group. A meeting could be convened between the Government and the private housing developers to work out the details of this scheme.

Tuan Pengerusi, semasa menjawab satu soalan lisan daripada saya di Dewan ini pada bulan November tahun lalu mengenai perkara kenaikan sewa rumah yang begitu tinggi di bandar-bandar, Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru ada mengatakan di Dewan ini bahawa sebuah Jawatankuasa telah dibentuk untuk mengkaji masaalah itu dan menimbangkan samada Akta Kawalan Sewa (Rent Control Act) 1966 dapat diperluaskan untuk menentukan sewa yang adil pada masa akan datang. Kerajaan telah mengakui bahawa mereka sedar tentang kenaikan sewa pada masa dahulu. Adalah tidak berguna untuk Kerajaan menyatakan bahawa mereka sedar tentang masaalah ini tetapi tidak boleh bertindak mengatasinya. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada Jawatankuasa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu

telah dibentuk dan apakah recommendation-nya. Kami ingin mencadangkan di sini bahawa Kerajaan patut memperluaskan Akta Kawalan Sewa supaya bangunan-bangunan yang didirikan selepas tahun 1948 dapat dikawal oleh Akta ini. Jikalau ini dapat dibuat maka penyewa-penyewa rumah dan bangunan dapat dibela.

Tuan Pengerusi, sekarang saya masuk kepada Kepala B. 16 juga mengenai Perumahan Awam. Tuan Pengerusi, perkara mencari dan memohon perumahan kos rendah merupakan satu masaalah yang serious bagi golongan miskin. Sebagai satu misalan saya ingin mengatakan di sini bahawa di Bandaraya Kuala Lumpur hari ini lebih kurang 10,000 orang sedang menunggu rumah-rumah pangsa dan kebanyakan mereka telah menunggu selama 2 hingga 3 tahun.

Tuan Pengerusi, masaalah ini berlaku oleh kerana mengikut Dewan Bandaraya pihak Kementerian ini tidak memberi peruntukan yang cukup kepada Dewan Bandaraya untuk membina lebih banyak rumah pangsa di Wilayah Persekutuan. Memandangkan kepada perkara ini, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada Menteriannya ada memberi peruntukan yang cukup kepada Dewan Bandaraya untuk membina rumah pangsa.

Mr Chairman, Sir, on the question of low-cost flats, I also wish to point out that the allocation of low-cost flats by the Dewan Bandaraya has often been questioned by the public who allege that low-cost flats are also given to the rich and to those whose income exceeds \$300 a month. I, therefore, wish to call on the Ministry concerned to appoint a representative to sit on this Dewan Bandaraya Flat Allocation Committee in order to ensure that the distribution of flats is done fairly and justly.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Kepala B. 16, Pecahan-kepala 1100 mengenai Penyelidikan dan Perancangan.

Tuan Pengerusi, Penyelidikan dan Perancangan dalam rangka bentuk perumahan adalah sangat mustahak kepada orang ramai. Dalam perkara ini saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada Menteriannya ada membuat satu penyelidikan dalam rangka bentuk perumahan yang sesuai kepada rakyat supaya rancangan ini dapat dilaksanakan dengan secepat yang boleh.

Sekarang saya ingin merujuk kepada Pecahan-kepala 1300 mengenai Tambahan Kos Kakitangan. Saya ingin mengatakan bahawa apa yang saya tahu Kementerian ini tidak mempunyai cukup kakitangan teknik dan penyelidik-penyelidik dalam melaksanakan rancangan-rancangan perumahan. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil berat tentang perkara ini dan mengambil langkah yang sesuai untuk menambah kakitangan yang saya sebutkan di sini.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan kepada perumahan-perumahan yang dibina oleh Syarikat-syarikat Perumahan di luar Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran yang mana rumah-rumah itu selalunya tidak mengikut aturan atau sub-standard. Ini mengakibatkan banyak pengaduan daripada orang ramai yang ingin membeli rumah tersebut. Perkara ini mungkin timbul oleh kerana Certificate of Fitness tidak diberi kepada mereka mengikut Akta Mengawal dan Mellesen Pemaju-pemaju Perumahan Tahun 1966. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian tentang perkara ini dan mengambil langkah untuk membetulkannya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai dan ini yang akhir. Selepas itu saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.53 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Kerai): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanja yang diperuntukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru dan saya ingin bercakap oleh kerana untuk menjimatkan masa saya merangkumkan semua sekali B. 16 dan Pecahan-kepala (Kod) 1100 Pentadbiran dan Kewangan dan P. 16, Pecahan-kepala (1), (2) dan (31).

Tuan Pengerusi, sebagaimana termaklum bahawa tujuan besar Kementerian ini ialah untuk merancang sistem perumahan nasional dan yang kedua ialah untuk memberi kehidupan yang moden sedikit kepada Kampung-kampung Baru yang selama ini tertinggal hasil daripada penjajah dahulu lagi dan hasil daripada sistem yang dibuatkan oleh General Brigg waktu dharurat dahulu.

Di dalam melaksanakan tujuan-tujuan yang tersebut saya dapati setakat ini Kementerian tersebut masih belum lagi mempunyai rencana-rencana atau program-program yang concrete di dalam kedua-dua bidang yakni mengenai rancangan bantuan kepada Kampung-kampung Baru dan bidang perancangan perumahan. Saya menyebutkan demikian kerana setakat ini pihak Kementerian masih lagi dalam peringkat bergantung kepada pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri yakni mengenai kajian-kajian feasibility and viability bagi satu-satu projek yang hendak dijalankan samada perumahan ataupun di peringkat Kampung-kampung Baru. Ternampak jelas bahawa penyertaan Kementerian ini sendiri kurang benar yakni kekurangan kepakaran yang telah dihantar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan di daerah-daerah untuk menyertai sama di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan, Mesyuarat-mesyuarat Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya. Lantaran itu Kementerian hanya menerima atau menolak satu-satu projek yang telahpun dibuat atau dihasilkan oleh Pegawai-pegawai Jajahan atau Pegawai-pegawai Daerah. Saya rasa amalan seumpama ini adalah tidak betul kerana beban yang dipikul oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan kakitangan yang terhad tidak dapat menjalankan kajian-kajian yang saya sebutkan itu. Dengan demikian projek-projek yang bakal dijalankan itu tidak berjalan dengan teratur dan cepat.

Tuan Pengerusi, adalah tidak adil bagi saya mengatakan bahawa Kementerian ini telah tidak mempunyai program-program tertentu yang begitu concrete, kerana Kementerian ini baru sahaja ditubuhkan pada 5hb September, 1974 yang lalu. Namun begitu, sebagai suatu Kementerian yang bertanggungjawab kepada kedua-dua pembangunan yang tersebut, saya percaya bahawa kepakaran teknikal (technical expertise) daripada Kementerian itu sendiri haruslah segera dihantarkan untuk merancang projek-projek perumahan dan bantuan-bantuan ke Kampung-kampung Baru. Dengan lain perkataan, pegawai-pegawai Kementerian hendaklah segera dihantarkan sekarang juga dengan diperuntukkan beberapa peruntukan tambahan bagi menambahkan pegawai-pegawai Kerajaan di bawah Kementerian itu untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat. Perancangan di peringkat-peringkat Daerah dan di peringkat-peringkat Negeri, kerana tanpa penyertaan demikian di peringkat bawah perlaksanaan projek-projek itu hanyalah ditentukan oleh pegawai-pegawai

di peringkat bawah seperti pegawai-pegawai Kerajaan iaitu Kerajaan Negeri. Untuk mengatasi masalah ini, sukalah saya mengesyorkan perkara-perkara yang berikut:

Pertama, Lembaga-lembaga Kampung Baru atau Jemaah-jemaah Pentadbir bagi satu-satu Kampung Baru itu haruslah diwujudkan. Ini adalah mustahak kerana orang-orang yang benar-benar tahu akan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang terdapat di Kampung-kampung itu sahaja yang boleh memikir dan merancang soal kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi mereka.

Kedua, Kampung-kampung Baru mestilah disifatkan sebagai satu daripada unit yang bebas di dalam hierarchy susunan pentadbiran, kerana saya nampak bahawa Kampung-kampung Baru yang ada di seluruh negara ini telah lama dielinasikan ataupun diasingkan daripada pentadbiran biasa, dan kalau sekiranya kita mewujudkan suatu Penguasa Tempatan di peringkat Kampung-kampung Baru, saya rasa soal-soal elinasi umpamanya ini tidak akan berbangkit lagi.

Ketiga, tumpuan yang istimewa haruslah diberi kepada Kampung-kampung Baru, khususnya sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa mereka ini telah lama diasingkan dan sifat sosio-ekonomi mereka tidak sama, tidak homogeneous ertinya heterogeneous yang boleh menyebabkan pada suatu hari mewujudkan sub-group ataupun kumpulan-kumpulan kecil dalam sistem masyarakat kita yang berlainan corak sisio-ekonominya, sifat-sifatnya dengan rakyat biasa. Ini mungkin membangkitkan suatu komplot yang boleh kalau kita sifatkan di negara-negara lain sebagai slum area dan sebagainya.

Keempat, memandang akan soal-soal keselamatan sekarang ini, saya merasa adalah baik supaya pihak Kementerian ini mengumpulkan kembali mereka yang tinggal jauh-jauh daripada Kampung-kampung Baru yang terpencil, jauh dua tiga batu umpamanya supaya menempatkan mereka semula dan mewujudkan Kampung-kampung Baru yang lain selain daripada sejumlah 460 lebih Kampung-kampung Baru seluruh negara diwujudkan lebih banyak lagi Kampung-kampung Baru dan dengan cara ini saya rasa proses urbanisasi atau proses perbandaran mewujudkan pekan akan dapat dihasilkan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai sekim perumahan di bawah P. 16, saya berasa gembira bahawa rancangan perumahan

itu telah dilaksanakan, tetapi adalah dirasakan elok kalau sekiranya rancangan-rancangan perumahan murah ini diperluaskan kepada golongan-golongan kampung, bukan sahaja Kampung-kampung Baru, bahkan golongan kampung yang jauh dari pekan-pekan dan begitu juga untuk nelayan-nelayan di Pantai Timur, umpamanya. Sekim seumpama ini hendaklah diperluaskan. Saya rasa kalau dianggarkan sekim perumahan murah sekadar \$3,000 hingga \$5,000 umpamanya dapat dilaksanakan dengan banyak, kerana peruntukan yang diberi ini walaupun tidak mencukupi buat sementara waktu, tetapi pihak Kementerian dapatlah menjalankannya serta-merta.

Rumah-rumah flat juga bagi saya elok diadakan di Kampung-kampung Baru. Mengikut peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini sebanyak \$10 juta itu haruslah disediakan juga untuk mendirikan flat-flat di Kampung-kampung Baru, kerana saya sifatkan sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa Kampung-kampung Baru oleh kerana sifat sosio-ekonominya adalah berlainan, saya merasakan untuk menjadi Malaysianisasikan penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru itu elok, umpamanya, kita wujudkan flat-flat di Kampung-kampung Baru supaya mengadakan quota ataupun ratio yang sama banyak di antara penduduk-penduduk bumiputra golongan Tionghua, ataupun golongan Tamil supaya di jemput mereka, dikumpulkan mereka di satu tempat di dalam flat. Dengan cara ini saya rasa dapatlah mereka bertukar-bertukar fikiran, bertukar sifat-sifat kebudayaan norms, custom dan sebagainya dan dengan cara ini dapat kita melahirkan suatu masyarakat di peringkat Kampung Baru itu pada permulaannya sebagai masyarakat yang mempunyai homogeneous, sifat sosio-ekonomi yang homogeneous dan akhirnya lantas proses urbanisasi, proses perbandaran itu akan berbangkit dan kemudian daripada itu akan wujud pula masyarakat yang tidak ada begitu jurang perseimbangan antara kaum. Saya rasa ini eloklah dilaksanakan segera kerana proses asimilasi atau adoptasi seperti ini adalah dirasakan perlu di dalam sistem menyusun semula sistem masyarakat di negeri ini.

4.01 ptg.

Tuan Luhah Wan (Baram): Tuan Pengerusi, saya juga memberi tahniah kepada Kerajaan oleh kerana ada anggaran telah

diberi untuk pelaburan dalam perbadanan perumahan Sarawak di bawah Kepala P. 16, Pecahan-kepala (11). Anggaran ini saya anggap tidak begitu memuaskan, akan tetapi syukurlah kerana ada anggaran yang begitu telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk menolong Kerajaan Sarawak membina rumah-rumah harga murah kepada orang yang miskin di negeri Sarawak. Apa yang saya ingin bawa ke perhatian Yang Berhormat Menteri kerana pada masa ini di negeri Sarawak ada berbagai sungutan daripada rakyat oleh kerana tidak begitu puas hati terhadap keadaan rumah-rumah harga murah yang dibuat oleh badan-badan tertentu di negeri Sarawak. Tentu sekali Yang Berhormat Menteri sedar tentang apa yang berlaku di negeri Sarawak.

Pertamanya, rumah-rumah yang dibuat dalam rancangan rumah murah di Miri di Bahagian Keempat. Sekarang saya dapati bagaimana yang saya syorkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab tidak lama dahulu iaitu rumah-rumah yang dianggap rumah murah itu sebaliknya sangatlah mahal pada ketika ini oleh kerana inflasi dan juga apa yang menyedihkan hati masyarakat di negeri Sarawak oleh kerana kebanyakan rumah-rumah yang dipunyai oleh bukan orang yang miskin bahkan oleh orang yang dianggap kaya yang mampu membeli rumah-rumah, tetapi bukan dibeli untuk kegunaan mereka sendiri bahkan dibeli begitu untuk disewakan kepada orang lain. Dan juga saya dapati di Miri ada beberapa buah rumah yang dipunyai bukan orang yang diam di Miri, separuhnya telah berpindah ke Brunei dan orang-orang yang benar-benar berkehendakkan rumah itu terpaksa memohon supaya ia dapat menyewa rumah itu, kerana tuan rumah itu sendiri tidak ada di Miri dan sudah pindah ke Brunei. Ini pun saya anggap penting sekali dari pihak Kerajaan supaya menyelidiki perkara ini dengan teliti supaya pada masa akan datang janganlah perkara ini berlaku lagi melainkan dipertimbangkan sebagai top priority untuk diberi kepada orang-orang yang betul-betul tidak ada mempunyai rumah untuk tempat tinggal dan bukannya diberi kepada orang yang banyak wang yang mampu memberi cengkeram lebih dahulu sebelum rumah itu dibina. Ini saya fikir kurang adil. Adalah diharap pihak yang bertanggungjawab menyelidiki perkara ini dengan tegas supaya perkara begitu tidak berlaku berulang-ulang pada masa akan datang.

Kedua, Tuan Pengerusi, ada juga sungutan daripada rakyat di Sarawak bahawa beberapa buah kompeni yang melibatkan diri dalam membina rumah-rumah harga murah ini, mereka membuat advertisement serta memberi harga satu-satu rumah itu semata-mata menarik orang ramai supaya memberi cengkeram, sesudah itu sehingga dua tiga tahun rumah itu belum lagi dibina. Sungutan-sungutan telahpun kedengaran daripada pihak rakyat di negeri Sarawak, kerana kata mereka pemaju perumahan itu hanya mengumpukan wang mereka supaya dimasukkan ke dalam fixed deposit supaya bunganya jadi keuntungan kepada pemaju perumahan itu. Ini pun saya rasa kurang adil dan saya harap pihak yang bertanggungjawab akan sentiasa mengawasi dengan tegas atas perkara demikian.

4.06 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Pengerusi, saya ucapkan ber-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sudi memberi pendapat dan cadangan yang berfaedah kepada Kementerian saya. Di samping itu, saya memohon berucap selanjutnya bercampur-campur dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, if I may, I would like to reply to all the observations and questions generally raised by Honourable Members.

On the question of low allocation for public housing in Peninsular Malaysia in 1976. Saya telah menyatakan dalam ucapan saya kelmarin iaitu jumlah sebanyak \$10,704,829 itu hanyalah merupakan peruntukan interim sahaja. Peruntukan tambahan mungkin diminta apabila permohonan untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga diketahui.

Mengenai cadangan supaya syarikat-syarikat perumahan diberi tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun diambil perhatian oleh Kementerian saya dan cadangan ini akan disampaikan kepada Kementerian yang berkenaan untuk ditimbangkan selanjutnya.

On the question of private developers playing a role in low-cost housing, on this matter I wish to state that the private developers with profit making in mind have so far focussed their attention on building

medium and high cost houses. However, I am happy to say that in response to the Government's call for private developers' participation in low-cost housing, the Housing Developers Association has indicated its ability to build 10,000 units in Wilayah Persekutuan on lands provided by the Government.

On the question of improper allocation of low-cost houses to applicants which has been raised by Honourable Members, I must stress that the allocation of low-cost houses is carried out by the Housing Allocation Committee of the respective State Governments, and such allocation is based on broad guidelines provided by my Ministry. If, however, Honourable Members are aware of any case of improper allocation, I suggest that details of such case be furnished so that it can be referred to the State Government concerned for thorough investigation.

On the question of review to be made on sub-standard housing, I wish to inform Honourable Members that with the establishment of the National Department of Housing, a Technical, Research and Planning Division is to be set up, and one of its functions will be to undertake a study on the sociological aspects of existing housing projects so as to determine their implications on the households and the community and to make recommendations on measures to improve the quality of the projects, old and new, on the human environment for the consideration of my Ministry.

There have been suggestions to build more timber houses in the rural areas. I wish to say once again that this question had been brought up during the Oral Questions time and reply had been given before. However, for the benefit of Honourable Members, I wish to stress that low-cost houses have been built in the rural areas under various Development Plans, and about one-third of these houses have been built out of timber. Under the Third Malaysia Plan, equal emphasis will be given to rural areas, so that there will exist an equitable distribution of low-cost houses in the country.

The Honourable Member from Sarawak has put up one point, which has often been raised by other Honourable Members in this House, that before strata titles can be given, most of these flats will still be occupied on a rental basis. But the Government is now

formulating a law for providing strata titles. It is and has always been the intention of the Government to allow people to own their own houses.

On the question that Government has not been able to cope or to find ways and means to ease the shortage of houses, perhaps it is important for Honourable Members to be aware and to appreciate that according to the old system we had, normally the Ministry would give loans to the respective State Governments which in turn would allocate them to their State Development Corporations to build low-cost houses for the people. Under this old system, it was inevitably slow partly because most of the State Development Corporations have not had adequate technical capability. The Government is also aware that the cost of flats built by the Government is considered to be high and therefore the Government is now trying to find ways on how to reduce the cost. The Honourable Prime Minister himself is very concerned on this and he has given a directive to the Ministry of Housing to invite the private sector, as I have explained earlier, to come and help us. In Kuala Lumpur, we have made arrangements for the City Hall to provide land for the private developers so that they can come and help us to build low-cost flats which will not cost more than \$5,000 per unit apart from the cost of infrastructure and the land value. We hope, by this way, we would set an example to build more low-cost houses in a more efficient way. Of course, this principle and policy would extend to all the other urban areas whereby in the same way we would invite the respective successful developers to come and help us. In the rural areas, my Ministry has also tried to formulate a new method, that is to provide, through the Site and Service Scheme, for the rural applicants to get the land and build their own houses according to their own financial ability and their own liking. By this way, we would also bypass the middlemen, e.g. the contractors so as to reduce the cost.

As Honourable Members are also aware, one of the reasons why, under the old system, it had not been possible to build houses as fast as we had hoped for because under the old system, when we gave loans to the State Governments, those loans would be limited only to the cost of constructing houses and the cost of infrastructure had to

be provided by the State Governments. In some cases, the State Governments had not been able to do so, i.e. to provide the cost of infrastructure, and thus it had also become one of the causes which delayed the effective measure to construct houses and flats.

On the question of new villages—one Honourable Member has commented on them—since last year, my Ministry has introduced a new approach towards the construction of minor projects in the new villages, i.e., my Ministry would give money direct to the Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung-kampung Baru, through the District Officers' supervision and guidance, to carry out the work of minor projects themselves. By this way, we could also bypass the middle-men and, therefore, today all these projects would not constitute any wastage as far as cost is concerned. But in some cases, there are still some Village Committees which are not able to understand this principle and are not able to carry out the work themselves.

I take this opportunity to appeal to the Members of this House that when they go back to their constituencies, perhaps they can advise these Village Committees what they can do for themselves in order to save the possible wastage of money, for their own benefit. According to our records, we have managed to reduce the cost almost by half by getting the villagers to carry out the projects themselves.

To all the comments and all the observations made, I am confident that under the Third Malaysia Plan, my Ministry hopefully will be getting more sympathy and more help from the Treasury and the other authorities concerned in order to have more money in these housing projects and the development of new villages.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,109,900 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$16,300,339 untuk Kepala P. 16 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 17 dan B. 18 (Jadual)—

Kepala P. 17 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar bagi tahun 1976 seperti yang terkandung di dalam:

B. 17 Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Belanja Mengurus)	\$ 98,812,300
P. 17 Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Pembangunan) ...	116,903,862
B. 18 Jabatan Pembangunan Koperasi (Belanja Mengurus)	5,224,000
Jumlah semuanya ...	\$220,940,162

Tuan Pengerusi, matlamat terakhir pelaksanaan rancangan Kementerian ini ialah untuk membangun dan meninggikan taraf hidup masyarakat petani dan nelayan yang semata-mata bergantung kepada pertanian dan menangkap ikan sebagai sara hidupnya. Pencapaian matlamat itu diselenggarakan menerusi perancangan yang teliti dan pelaksanaan yang tegas supaya setiap tindakan yang diambil benar-benar dapat memberi kesan dan meninggikan taraf hidup dan pendapatan masyarakat tersebut. Setiap Jabatan yang terlibat di bawah Kementerian ini terus digerakkan serentak supaya dapat melaksanakan tugas-tugas tersebut dengan sebaik-baiknya demi kepentingan petani-petani dan nelayan-nelayan khususnya di dalam negara amnya. Kemajuan negara ini tidak akan bermakna jika masyarakat petani dan penangkap-penangkap ikan masih lagi tertindas dan ketinggalan.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk menghuraikan secara detail tentang peruntukan-peruntukan yang diminta kerana boleh didapati di dalam Belanjawan 1976 ini, tetapi akan menumpukan kepada beberapa perkara penting sahaja. Masalah pengeluaran bahan-bahan makanan bukan sahaja akan ditumpukan kepada pengeluaran yang cukup tetapi juga mengurangkan impot. Di lapangan pengeluaran padi, langkah-langkah telah

diambil untuk menambahkan pengeluaran tiap-tiap ekar terutama di kawasan-kawasan yang luas di beberapa tempat di negara ini. Di kawasan-kawasan demikian seperti Krian, Tanjung Karang, Sabak Bernam, Hilir Perak adalah dicadangkan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras bagi mengendalikan setiap keperluan-keperluan pengeluaran padi. Matlamat Kementerian ini ialah untuk menambahkan pengeluaran sebanyak 20% bagi membolehkan negara ini menampung keperluan berasnya sendiri. Petani-petani akan terus disedarkan mengenai pengurusan yang cekap menerusi Bahagian Perkembangan Jabatan Pertanian, terutama sekali mengenai penggunaan baja yang sempurna kerana daripada \$40 juta yang diperuntukan di bawah rancangan bantuan subsidi urea, cuma sebanyak \$13 juta sahaja telah digunakan. Sektor pertanian juga memerlukan bekalan air yang cukup. Adalah dianggarkan bahawa hingga akhir tahun ini kawasan seluas 88,559 ekar lagi akan dapat dibekalkan dengan kemudahan taliair manakala kira-kira 40,000 ekar mendapat kemudahan-kemudahan saliran. Dalam tahun hadapan projek saliran terbesar ialah pelaksanaan kerja-kerja di Johor Barat yang diuntukkan sebanyak \$10 juta. Projek ini melibatkan kawasan-kawasan seluas 930,000 ekar yang dimajukan dalam dua peringkat. Peringkat pertama dari Parit Botak hingga ke Kukup melibatkan kawasan 330,000 ekar dan dijangka boleh mendapat kemudahan-kemudahan tersebut apabila siapnya kerja-kerja saliran dan sebagainya. Pelaksanaan projek ini akan memberi faedah yang amat besar, terutama kepada pekebun-pekebun kelapa di sekitar kawasan tersebut. Langkah-langkah menambah pengeluaran bahan-bahan makanan yang lain juga akan diambil bukan sahaja untuk menambahkan pengeluaran tetapi juga pendapatan petani-petani.

Tuan Pengerusi, usaha-usaha memperbaiki kehidupan nelayan-nelayan dikendalikan oleh Jabatan Perikanan dan MAJU-IKAN. Rancangan bantuan subsidi, pembinaan bot-bot dan memindahkan nelayan-nelayan yang berlebihan merupakan fakta-fakta yang melibatkan pendapatan nelayan secara langsung. Latihan-latihan dan subsidi-subsidi diberikan kepada nelayan-nelayan yang benar-benar dhaif. Pembinaan bot-bot pukot tunda, pukot jerut dan juga bot serbaguna oleh MAJU-IKAN menunjukkan bahawa pendapatan nelayan-nelayan yang bekerja di dalamnya telah bertambah. Rancangan ini menjadi asas bagi membolehkan nelayan-nelayan berusaha

secara moden. Kementerian juga akan menambahkan rancangan menangkap ikan di lautan dalam memandangkan kepada bilangan ikan-ikan di tepi pantai yang berkurangan pada masa ini. Projek permulaan telahpun dijalankan di Kuching dan akan diperluaskan ke lain-lain tempat yang sesuai. Penyertaan MAJU-IKAN di bidang pemasaran juga telah memberi kesan terhadap pendapatan nelayan-nelayan. Pembinaan kompleks-kompleks perikanan menjadi salah satu kemudahan utama memasarkan tangkapan nelayan. Peruntukan \$5.9 juta akan digunakan untuk menyelesaikan pembinaan kompleks-kompleks di Kuala Kedah, Lumut dan juga di Kuching manakala kompleks di Kuala Trengganu telahpun digunakan. Kementerian berpendapat dengan adanya kemudahan-kemudahan asas dan projek-projek yang melibatkan pendapatan nelayan-nelayan secara langsung, matlamat mengujudkan suasana yang lebih setimpal di sektor perikanan akan dapat disempurnakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, pemeliharaan ternakan juga menjadi sumber pendapatan petani-petani dan masyarakat desa yang lain. Lebih dari 80% pengeluaran ternakan dikendalikan oleh penternak-penternak kecil. Walaupun MAJU-TERNAK menumpukan perhatian untuk pengeluaran ternakan secara perdagangan, tetapi kepentingan penternak-penternak kecil ini akan terus dipelihara. Pembukaan ladang-ladang ternakan di 7 buah tempat telah mencapai kemajuan-kemajuan yang menggalakkan dan dijangka akhir tahun hadapan kira-kira 17,000 ekor lembu ditempatkan di ladang-ladang tersebut. MAJU-TERNAK juga akan mengadakan lebih banyak lagi pusat-pusat pengeluaran susu dan menyusun semula rumah-rumah sembelih di seluruh negara bagi memastikan rakyat mendapat bekalan daging yang dijamin mutunya. Jabatan Haiwan bukan sahaja akan terus memberikan khidmat-khidmat nasihat di kalangan penternak-penternak kecil, tetapi juga akan meneliti agar ternakan tidak di-hinggapi oleh penyakit-penyakit yang boleh membantutkan usaha-usaha memajukan bidang ternakan negara.

Tuan Pengerusi, penggunaan tenaga petani dan nelayan dengan sempurna mustahak bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih baik. Penubuhan Koperasi-koperasi Peladang dan Nelayan akan terus dipergiatkan sambil menyalurkan keperluan-keperluan

yang dikehendaki terutama pinjaman alat-alat moden dan lain-lain. Dengan adanya langkah-langkah tersebut dan disokong oleh khidmat-khidmat pemasaran menerusi ejensi seperti FAMA dan kemudahan kredit daripada Bank Pertanian serta penyelidikan oleh MARDI, Kementerian berharap akan dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti meninggikan taraf hidup petani-petani, nelayan-nelayan dan lain-lain penduduk luar bandar dengan sebaik-baiknya.

Dengan keterangan-keterangan ringkas ini, saya memohon peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan di bawah Kepala B. 17, B. 18 dan P. 17 berjumlah \$220,940,162 supaya diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditempokkan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.58 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

4.58 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong penuh peruntukan Kementerian yang berkenaan dan saya mengucapkan tahniah di atas kerja-kerja yang telah dibuat bagi menjayakan projek-projek yang telah diperuntukkan bagi tahun 1975. Bagi Kepala B. 17, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (11)—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN).

Tuan Pengerusi, jika diperhatikan peruntukan yang diuntukkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan ini yang berjumlah sebanyak \$6,841,000 sahaja iaitu bertambah sedikit daripada tahun 1975. Nelayan-nelayan yang ada begitu ramai di Pantai Barat dan Pantai Timur negara kita ini berharap sangat-sangat supaya nasib mereka yang selama ini sungguhpun telah dimajukan oleh pihak Kerajaan, tetapi tidak seimbang dengan tugas-tugas lain yang telah diadakan oleh pihak Kerajaan, misalnya peladang-peladang. Saya contohkan Rancangan FELDA, tetapi peruntukan kepada nelayan ini tidak dibuat sebagaimana yang dibuatkan kepada rancangan FELDA. Oleh sebab itu, peruntukan yang sebanyak ini

dianggap tidak mencukupi dan sepatutnya Kementerian ini dapat mengkaji semula dan ditambah lebih lagi daripada peruntukan tersebut supaya Kementerian ini khasnya Lembaga Kemajuan Ikan dapat mencari ikhtiar bagaimana nelayan-nelayan ini dapat dimaju dan ditempatkan semula seperti mana Kementerian-kementerian lain yang telah berusaha untuk memajukan rakyat.

Misalnya, Tuan Pengerusi, kita dapati harga pasaran ikan yang ada di negara kita biasanya disebutkan di radio bahawa ikan dijual di bandar-bandar besar sahaja dan tidak disebut ikan dijual di tempat-tempat atau di pekan-pekan yang kecil dan tidak pula ditetapkan harga-harga yang mesti nelayan-nelayan itu menjual kepada pemasar-pemasar ikan. Seperti mana kita sedia maklum dalam bahagian Lembaga Padi dan Beras Negara telahpun menentukan harga beras yang diusahakan oleh petani dan daripada petanilah baru beras-beras ini dapat dijual dalam pasaran. Oleh sebab itu, satu daripada cara bagaimana hendak memperbaiki keadaan nelayan kita ini hendaklah ditetapkan harga kawalan ikan yang didapati oleh nelayan dan harga ikan ini pula ditentukan apabila dibawa ke pasar dan ditentukan bagaimana keadaan harga pasaran di seluruh negara ini. Kalau sekiranya ikan-ikan pula terpaksa dibawa keluar negeri dan ditentukan pula harga pasaran biasanya harganya murah dan apabila dipasarkan semula maka harga ikan ini adalah berlipat ganda. Keuntungan yang didapati, yang diusahakan oleh nelayan ini hanyalah oleh orang-orang tengah sahaja. Jadi, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji semula agar peruntukan yang lebih diberi kepada nelayan-nelayan ini dan begitu juga rancangan Kerajaan bagi nelayan-nelayan ini dapat ditempatkan di satu tempat supaya mereka ini bukan sahaja menjadi nelayan tetapi juga menjadi petani.

Ada ura-ura Kerajaan sejak akhir-akhir ini satu rancangan mungkin dibuat diperingkat sempadan di antara Malaysia dengan Thailand misalnya. Jika sekiranya rancangan ini dipersetujui oleh Kerajaan dan kita mendengar berita bahawa Kerajaan Negeri Perak juga mempunyai rancangan yang sedemikian. Jika ada, beberapa peratus peruntukan akan diberi kepada nelayan yang cenderung di dalam bahagian ini supaya pemindahan nelayan ini dapat dibuat ke tempat tersebut dan dapat mengurangkan nelayan yang begitu ramai jika

dikaji dengan hasil-hasil ikan yang ada di laut di sekeliling negara kita yang tidak sesuai ataupun tidak selaras dengan nelayan-nelayan yang ada.

Selain daripada itu saya suka mengesyorkan supaya pihak Kementerian ini dapat mengkaji bagaimana pasaran ini dibuat dan bagaimana pula supaya ikan-ikan yang bermutu dengan harga yang baik, biasanya kita dengar di Dewan ini, bagaimana nasib anak-anak ikan dibawa ke dalam pasar atau dijual, tidak lagi ditinggalkan seperti mana yang sudah-sudah.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 18, Pecahan-kepala 1100—Jabatan Kemajuan Kerjasama. Kita sedia maklum koperatif yang disusun baru-baru ini akan dijalankan dalam satu daerah, negeri dan sebagainya. Ini akan melibatkan banyak rancangan yang akan dibuat oleh koperatif. Oleh sebab itu, saya menyeru sekali lagi supaya pejabat-pejabat yang berkenaan dan pegawai-pegawai koperatif dapat dikaji semula dan mereka ini dapat diberi kursus supaya selaras dengan kehendak koperatif daerah yang dimaksudkan.

Kepala B. 17, Pecahan-kepala 2700—Jabatan Haiwan. Biasa terjadi di antara daerah dengan daerah di dalam negeri apabila sahaja penyembelihan dibuat khasnya bila menyambut hari-hari perayaan dan mereka yang menjual daging ini dibawa ke daerah lain dan kadang-kadang pegawai-pegawai yang berkenaan menangkap penjual-penjual yang membawa daripada daerah lain yang berhampiran yang tidak jauh daripada tempat mereka. Ada setengah-setengah daerah tidak pula bertindak sedemikian. Oleh sebab itu, kalau ada perkara-perkara yang seperti ini terjadi perbezaan begini, eloklah diselaraskan dan saya suka menyeru kepada Kementerian ini supaya penyembelihan yang seperti ini dibuat pada hari-hari menyambut perayaan, menyambut bulan puasa dan sebagainya supaya dapat diberi kebebasan, keistimewaan di dalam hal-hal yang seperti ini, kecuali pada masa-masa yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 17, Pecahan-kepala 1100—Pertanian. Di dalam perkara ini kita selalu mendengar rungutan-rungutan rakyat menyatakan tidak dapat Jabatan ini menyelenggarakan parit dan taliair di kawasan masing-masing dan saya telah melihat hal ini sendiri dan saya dapati mungkin kakitangan Jabatan ini tidak mencukupi dan tidak diselaraskan di kawasan itu. Misalnya, kawasan itu terpaksa dikerjakan oleh 100 orang, tetapi

hanya dikerjakan dengan kakitangan yang sedikit sahaja. Oleh sebab itu, eloklah Kementerian ini mengkaji semula dan diselaraskan di kawasan-kawasan ini tambahan pula ada kawasan-kawasan baru yang ditambahkan untuk pertanian bagi kawasan-kawasan masing-masing, misalnya di daerah Larut-Matang.

Selain daripada itu ada terdapat sungai yang sudah terbiar begitu lama dan sungai-sungai ini bila hendak dikorek semula dan hendak dijadikan kawasan di sekelilingnya ditanam dengan tanaman semula dengan perbelanjaannya hampir \$2 juta. Ini terpaksa Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak dan terpaksa ditimbangkan beberapa kali baru hendak diluluskan. Oleh sebab itu apabila dikaji mungkin keadaan sungai ini yang didapati tidak dijagai dengan cukup atau tidak dikawal, misalnya ada masalaah-masalaah yang sungai ini ada kayu, batu dan sebagainya dan tidak dijagai pada sepanjang masa dan sehinggalah melarat beberapa tahun menyebabkan banjir di kiri-kanannya dan beratus-ratus ekar pula tanaman rakyat terlibat pada sepanjang masa dan tidak dapat dibuat apa-apa lagi sehingga saat ini. Misalnya, Sungai Nyior di dalam kawasan Larut-Matang.

Kepala B. 17, Pecahan-kepala 1100 berkenaan dengan Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa. Kita dapati sungguhpun Jabatan ini tidak begitu terkenal pada masa ini, tetapi eloklah Kerajaan mengkaji semula bagaimana hendak memajukan seperti mana pada suatu masa dahulu Jabatan ini begitu baik dan begitu maju sekali. Barangkali ini satu daripada sebabnya keadaan elau guru-guru yang mengajar di kelas-kelas ini tidak dikaji semula dan tidak ditambah seperti mana yang dirayukan oleh mereka. Oleh sebab itu, saya merayu di sini supaya elau guru-guru yang mengajar di Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa ini dapat ditambah daripada yang ada. Dengan ini saya berharap rayuan-rayuan yang saya sebutkan ini mendapat perhatian Kementerian ini khasnya berkenaan dengan nelayan agar mendapat perhatian yang berat sekali daripada Kementerian.

5.10 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Kepala B. 17. Saya berasa dukacita atas ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri

Kewangan tempoh hari yang telah memotong subsidi baja kepada petani-petani.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum petani-petani yang lebih tepatnya dikatakan peladang walaupun mereka itu saya sendiri tahu, kerana saya juga seorang daripada golongan petani, begitu rajin dan berusaha, tetapi kalaulah dikira di atas kos perbelanjaan termasuk membajak ditambah pula baja kalau tidak baja subsidi sebagaimana di masa-masa yang lepas, maka petani-petani ini boleh dikatakan teruk bekerja tetapi pendapatannya tidak mendapat hasil yang memuaskan. Kalau dihitung ataupun ditolak perbelanjaan dengan pendapatan dengan semua yang dibelanjakan dan apa yang dapat harus mereka ini beroleh penat sahaja. Maka dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan walaupun perkara ini ada ura-ura hendak dipotong, tolonglah diadakan semula.

Kita telah merdeka lebih daripada 17 tahun, perkara yang lain dapat kita laksanakan sedangkan kita tahu ramai petani-petani atau peladang-peladang yang menggunakan baja, maka sudah sampai ketikanya pada fikiran saya kilang baja untuk petani-petani ini patut kita usaha dan kita adakan sendiri. Kalau boleh, kita buat secara besar-besaran sebagaimana diadakan untuk peladang dan sebagainya. Begitu juga saya berharap kepada tanah-tanah yang agak kosong, yang tidak ditanam dengan padi dan sebagainya, pihak Jabatan yang berkenaan hendaklah iktiharkan satu-satu tanaman yang agak sesuai dan di samping itu juga walaupun sepertimana saya katakan segala-galanya berharap kepada pihak Kerajaan, tetapi walau bagaimanapun ini tidak dapat dielakkan. Kadang-kadang bila tanaman itu banyak pasarannya tidak ada, tanaman itu juga menjadi membazir ataupun sia-sia sahaja. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan atau Kementerian yang berkenaan mengawasi segala-gala yang saya nyatakan tadi.

Kepala B. 17 mengenai Taliair. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang telah mengadakan banyak tali-taliair termasuk di tempat saya sendiri iaitu di Perlis. Tetapi yang amat malangnya taliair yang telah diadakan di samping dibuatkan ampangan ataupun belat sepertimana yang dikatakan oleh orang Perlis, tetapi kadang-kadang ampangan yang telah dibuatkan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair ini tidak berse-

suaian ataupun tidak dapat menaikkan air ke matlamat yang dituju. Saya sendiri biasa bertelagah dengan pihak Jabatan Parit dan Taliair beberapa tahun yang lampau dan perkara itu telah berlaku lagi pada hari ini kerana ampangan-ampangan yang telah diadakan tidak bersesuaian. Sepertimana saya katakan tadi. Bila kita berjumpa dengan pihak yang berkenaan mereka berkata: kami ada degree ataupun kami buat dengan pelajaran, tetapi bagi pihak penduduk-penduduk kampung pula mereka ini pula ada pengalaman, tahu kedudukan tempat sendiri, tempat mana yang patut dijalankan ampangan-ampangan yang boleh dinaiki air. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan sekiranya hendak adakan ampangan hendaklah berunding dengan penduduk tempatan yang agak bersesuaian tempat mana yang patut diadakan ampangan walaupun penduduk-penduduk itu tidak ada degree khasnya, berkenaan dengan kejuruteraan.

Selain daripada itu, tentang ternakan. Ramai penduduk-penduduk kampung yang suka berternak lembu-kerbau khasnya dan juga ayam. Tetapi yang mendukacitakan kerana makanan-makanan kepada ternakan-ternakan ini terlampau mahal misalnya makanan ayam. Apa yang saya kata ini kerana selain daripada salah seorang Ahli Dewan saya juga memang biasa menjadi penternak dan ramai kawan-kawan saya telah menyatakan kepada saya kita tidak dapat menternak kerana makanan ayam terlampau mahal. Apabila telur itu dijual dan dikira balik dengan makanan yang diberi kepada ayam tadi amatlah tidak bersesuaian. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan seboleh-bolehnya mengadakan satu kilang khas makanan-makanan ayam, maka dapatlah penduduk-penduduk kampung ataupun petani-petani untuk menjadikan kerja tambahan dengan mengadakan ternakan seperti mana yang saya katakan tadi.

Yang akhirnya, saya juga menyokong sahabat saya iaitu Yang Berhormat dari Matang tadi berkenaan dengan Kelas Kemajuan Masyarakat. Kelas Kemajuan Masyarakat ini telah ditubuhkan pada 1hb Jun, 1961. Hari ini agak saya telah lebih daripada 15 tahun dan boleh dikatakan banyak yang telah mendapat kejayaan walaupun ada kita dengar kadang-kadang kata orang Kelas Dewasa atau Kelas Kemajuan Masyarakat, dua sahaja iaitu guru dengan pelajar. Tetapi

pada hari ini memandangkan kepada zaman yang telah maju, Kelas Kemajuan Masyarakat agak saya telah diubah corak dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan. Rancangan Desa usaha dan berbagai-bagai lagi untuk menambahkan rancangan itu. Tetapi yang sedih sebagaimana kata rakan saya tadi kalaulah di tahun 1961 elau guru dewasa itu satu jam \$4 hingga pada tahun 1975 pun sama juga sedangkan tingkatan kerja yang lain sentiasa dinaikkan dari satu masa ke satu masa namun guru-guru dewasa tetap di tingkat yang lama. Sebagai seorang bekas Kelas Kemajuan Masyarakat, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan menimbangkan walaupun dalam dialog saya telah merayu pihak yang berkenaan yang mengatakan akan ditimbang, saya harap pertimbangan itu akan dijalankan pada tahun ini.

5.16 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar di bawah Kepala B. 17 dan B. 18 yang berjumlah \$220,940,162. Oleh kerana tujuan Kementerian ini sangatlah mustahak di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan hari ini dan meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar seperti petani-petani, peladang-peladang serta juga kaum nelayan supaya dapat meninggikan taraf hidup petani-petani dan peladang-peladang dalam ekonomi yang lebih makmur.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang MARDI, Pecahan-kepala 4100. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak MARDI kerana telah banyak berjaya dalam usaha-usaha penyiasatannya, umpamanya, kajian untuk mendapatkan benih padi jenis baru iaitu Seri Malaysia Satu dan Seri Malaysia Dua yang boleh memberi hasil kepada petani-petani sekalian hari ini dan telah mendapat kejayaan. Selain daripada itu, saya rasa patut juga pihak MARDI demi menjimatkan tenaga dan masa penyiasatan tentang kelapa sawit. Saya difahamkan di negara kita ini pihak swasta telahpun mempunyai pusat-pusat penyelidikan tentang kelapa sawit seperti OPRS di Banting, Selangor, dan di Chemara di Negri Sembilan. Saya juga mendapat tahun bahawa pihak-pihak swasta ini mempunyai kelengkapan dan kakitangan yang lebih cekap daripada MARDI sendiri

dalam bidang penyelidikan mengenai dengan kelapa sawit. Oleh itu, pada pandangan saya buat masa ini jikalau kita berkehendakan sebarang nasihat kita boleh meminta sahaja dari mereka kerana pada pendapat saya tanaman kelapa sawit ini tidak dapat ditanam oleh petani-petani biasa.

Tuan Pengerusi, MARDI juga ada membuat penyelidikan mengenai dengan bunga orkid. Walaupun bunga orkid ini ialah bunga hiasan di negara kita hari ini saya rasa tidak sepatutnya MARDI mengadakan penyiasatan kepada tanaman bunga orkid kerana tidak berfaedah kepada orang biasa walaupun ini mungkin menjadi kegemaran kepada orang-orang yang berada dan mewah sahaja, tetapi tidak memberi faedah kepada petani-petani biasa. Sepatutnya MARDI menekankan masa dan tenaga untuk digunakan kepada penyiasatan kepada perkara-perkara yang boleh memberi faedah kepada rakyat dan negara khususnya kepada kaum petani, seperti cili kering, bawang dan sebagainya yang kadangkala susah hendak didapati di pasaran-pasaran tempatan dan mahal pula harganya.

Di sini saya suka mengesyorkan kepada pihak MARDI supaya membuat kajian dan menukarkan panduan-panduan yang berfaedah kepada petani-petani di dalam soal menanam sayur-sayuran. Tuan Pengerusi, sayur-sayuran ini adalah suatu tanaman yang senang rosak dan perlu sekali diadakan kajian atau penyiasatan untuk boleh disimpan selain daripada soal pemasaran yang difikirkan oleh pihak FAMA. Di sini saya suka menarik perhatian MARDI di dalam kawasan saya, Tumpat, penanam-penanam sayur adalah sangat banyak sekali. Saya syorkan pihak MARDI menghantar satu pasukan penyelidik tentang tanaman sayur-sayuran di kawasan Tumpat dan di mana-mana perlu dapat memberi tunjuk-ajar tentang bagaimana hendak memperbaiki lagi mutu pengeluaran mereka itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi penyelidikan baru yang dibuat oleh MARDI ialah tissue culture. Ini ialah satu tektik yang begitu moden yang tak mungkin boleh diikuti oleh petani-petani biasa pada hari ini. Oleh itu, saya harap MARDI akan menumpukan penyelidikannya yang boleh memberi keuntungan kepada petani-petani biasa.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 18—Jabatan Kemajuan Kerjasama. Saya akui usaha-

usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk membantu rakyat di bidang bekerja sama pada hari ini yang dinamakan koperasi, tetapi dengan giatnya badan-badan lain Kerajaan sendiri syarikat-syarikat kerjasama itu menjadi malap dan bahkan ada yang mati dan merugikan rakyat seluruhnya. Contohnya, Syarikat Kilang Padi di Pasir Ho, Kota Bharu Kelantan, kerana LPN sendiri membuat kilang padi tidak berapa jauh daripada syarikat kerjasama yang berkenaan. LPN bukan setakat itu sahaja bahkan hendak menubuhkan lagi kilang-kilang padi, pada hari ini. Dengan cara itu tidak syak lagi akan bertambah bilangan syarikat-syarikat kerjasama rakyat yang akan mati. Di sini, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya membuat satu dasar penyelarasan yang sebaik-baiknya supaya kita jangan menjadi korban kepada dasar yang baik, tetapi tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya LPN membeli beras sahaja ataupun bekerjasama dengan pihak syarikat kerjasama rakyat yang sudah ada pada hari ini supaya jangan dikatakan Kerajaan yang sepatutnya menolong rakyat, tetapi sebaliknya memotong rezki rakyat pula. Kepada Jabatan ini juga saya berharap bersungguh-sungguh jika hendak mengadakan satu-satu perusahaan seperti perusahaan kilang padi itu atau apa-apa sekalipun hendaklah mengadakan penyiasatan yang lebih mendalam supaya tidak terjadi seperti mana kilang padi di Kadak, Kelantan. Belum pun mula perusahaannya sudah mati di tengah jalan dengan modal yang begitu banyak, kalau saya tidak salah hampir \$2 juta. Di sini saya tidak faham mengapakah hendak dibuat lagi kilang padi yang seperti itu sedangkan kilang padi di Pasir Ho itupun sudah mati dan tidak boleh berjalan lagi. Oleh itu, saya berharap kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar akan dapat mengatasi perkara ini yang sedang dihadapi oleh syarikat kerjasama kita hari ini. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

5.25 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar yang berjumlah \$220,940,162.

Saya suka menyentuh Kepala P. 17, Pecahan-kepala 82 muka surat 112, Rancangan-rancangan Taliair, Selangor yang berjumlah \$2 juta. Tuan Pengerusi, projek \$2 juta ini yang diperuntukkan bagi Jabatan Parit dan Taliair, Selangor saya dapati dan telah difahamkan tidak begitu mencukupi sekiranya projek yang begitu besar yang berjumlah \$28 juta itu hendak dijalankan dengan masa yang singkat. Projek ini ada memberikan kesan yang baik, satu projek yang mengembelingkan satu perubahan baru atau sistem moden bagi pengairan di kawasan Tanjong Karang yang menentukan boleh dapat mengeluarkan hasil padi yang baik apakala selesai projek itu. Apakala telah dijalankan pada satu tempat seluas kawasan 3-4 ribu ekar, kawasan yang telah siap dibina, maka telah menarik perhatian baik petani-petani di lain tempat yang berdekatan di situ dan menimbulkan gelisah, kerana mereka itu percaya hanya keadaan projek yang seperti itu dapat membekalkan pengairan ke sawah padi dengan cara yang baik daripada hari ini. Mereka gelisah dan tidak sanggup menunggu kalau projek itu akan dilaksanakan sehingga memakan masa 15-20 tahun. Apa yang saya hendak tekankan berkenaan dengan projek ini supaya dapat dipendekkan masanya dan petani di situ tidak tertunggu-tunggu begitu lama. Saya percaya perkara ini telah difahamkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan beliau telah faham benar akan kedudukan ini. Oleh itu, adalah harapan petani-petani di sana supaya membiayai Jabatan Parit dan Taliair ini dengan peruntukan yang cukup supaya dapat Jabatan itu menjalankan dan melaksanakan rancangan itu dengan cepat.

Selain dari itu, pada pendapat saya rekabentuk atau design perlulah dikaji semula oleh Kementerian ini supaya dapat disesuaikan dengan keadaan tempat itu. Kalau dengan cara yang ada pada hari ini sudah barang tentu matlamatnya akan memakan masa yang begitu panjang, kerana bahan-bahannya tidak berapa mencukupi. Saya banyak terima kasih kepada Jabatan Parit dan Taliair dan Kementerian ini yang sudahpun mengambil langkah dan meneliti atas rancangan ini untuk diperbaiki, tetapi saya masih mendesak perkara ini patut sangat diusahakan dan dititikberatkan supaya rancangan ini disingkatkan masanya untuk dilaksanakan.

Selain dari itu, izinkan saya menyentuh Kepala P. 17, muka surat 108—Lembaga Pertubuhan Peladang. Setelah saya menghadiri taklimat baru-baru ini, saya sangat tertarik hati dan mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pengerusi dan setiausahanya yang begitu giat berusaha untuk memandangkan masa hadapan dan nasib petani yang ada di seluruh tanahair. Lembaga Pertubuhan Peladang memanglah tidak asing kepada petani-petani iaitu satu Lembaga yang difahamkan oleh petani satu lembaga yang tulin bagi mereka yang dapat mengembeling untung-nasib mereka pada masa hadapan.

Lembaga Persatuan Peladang sebagaimana yang difahamkan dalam taklimat itu telah menyediakan projek-projek yang intensif yang akan diselenggarakan dengan begitu hebatnya untuk kebaikan seluruh petani-petani, tetapi malangnya yang disungutkan ialah peruntukannya tidak berapa mencukupi. Di sini saya mendesak kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar untuk menimbangkan semula dan begitu juga Perbendaharaan Negara supaya dapat memberikan peruntukan yang cukup dan banyak kepada Lembaga Persatuan Peladang ini supaya benar-benar dapat menyambut dasar peruntukan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membasmikan kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan rakyat luar bandar. Rakyat itu adalah petani-petani kita semuanya. Saya percaya dan sungguh yakin bahawa Lembaga Persatuan Peladang ini dapat menjayakan dan dapat menukar corak keadaan hidup petani-petani pada masa akan datang sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Saya merayu pihak Lembaga Persatuan Peladang ini dan ajensi-ajensi yang lain seperti PERNAS, RISDA, FAMA dan Bank Pertanian supaya berganding bahu di antara satu sama lain supaya dapat bersama-sama memperbaiki untung nasib petani-petani pada masa akan datang.

Saya menyentuh pula Pecahan-kepala 27—Soil dan Kemudahan-kemudahan Analisa. Dengan keadaan pada masa sekarang petani-petani sangat dahagakan dan kekurangan tanah. Saya mendesak Kementerian ini supaya membuat analisa (survey research) kepada tanah-tanah yang ada yang tidak digunakan supaya dapat digunakan atau ditempatkan bagi anak-anak muda petani-petani yang tidak ada tempat pada hari ini.

Keadaan bagi sekeping tanah yang seluas 3 ekar yang dahulu hanya dimiliki oleh satu keluarga tetapi pada hari ini telah diperkongsikan sampai 3-4 keluarga. Jadi sudah sewajarnya dan sampai ketika dan masanya Kementerian ini mencari jalan supaya dapat memperluaskan tanah pertanian untuk anak-anak tani yang ada pada masa sekarang yang berkurangan tanah. Seperti di tempat saya, suka saya memberikan contoh iaitu di sebelah utara Tanjong Karang ada lagi tanah seluas 3,000 ekar dan ini telah saya maklumkan juga kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar supaya dapat dibuat research menentukan apakah boleh digunakan kawasan itu untuk pertanian. Sewajarnya kalau dapat dijalankan penyelidikan ini, saya percaya tentu ada sebahagian kawasan itu dapat digunakan baik untuk pertanian. Jadi saya mendesak kepada Kementerian ini supaya dapat mengambil langkah utama membuat kerja ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Mengenai Kepala P. 17, Pecahan-kepala 3—Kemudahan-kemudahan Penyelidikan MARDI. Saya suka mengesyorkan kepada MARDI supaya menyambut seruan baik daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, iaitu menggalakkan makan buah-buahan tempatan. Masalahnya buah-buahan tempatan ini, biasa didengar atau dapat disungutkan oleh orang ramai ialah tidak begitu menggalakkan kerana buahnya tidak berapa sedap, umpamanya buah mangga rasanya masam dan ulasnya kasar dan sebagainya, tetapi sewaktu saya berada di Manila saya merasa buah mangonya sangat manis dan ulasnya sangat licin, tidak berurat dan memang minat kita memakannya. Jadi banyak buah-buahan yang lain seperti nenas, pisang dan sebagainya boleh dibuat kajian dan diubah cara menanamnya atau mengeluarkan pengeluaran tanaman bahagian buah-buahan ini supaya dapat tahan lama dan boleh diekspot dan ini mendatangkan kebaikan kepada hasil negara. Saya mendesak kepada MARDI supaya dapat membuat kajian yang serious dan mengeluarkan hasil-hasil buah-buahan negara kita supaya boleh menarik perhatian orang ramai bagi menggantikan kepada buah-buahan yang kita impot daripada luar negeri.

Berkenaan dengan Kepala P. 17, Pecahan-kepala 2—Bank Pertanian Malaysia. Baru-baru ini dalam akhbar tersiar berita bahawa

Bank Pertanian mengambil inisiatif menukarkan dasarnya, untuk benar-benar memberikan pertolongan baik dan kemudahan-kemudahan kepada petani-petani, terutamanya dalam bidang pelajaran. Julung kali Bank Pertanian ini memberikan keutamaan dan menyediakan kemudahan untuk anak-anak tani dapat melanjutkan pelajarannya pada masa akan datang. Apa yang saya hendak utarakan ialah cara membayar balik wang pinjaman itu dan saya harap Bank Pertanian ini dapat mengikut langkah MARA dalam memberikan pinjaman kepada penuntut-penuntut, iaitu penuntut itu akan membayar balik kepada Bank Pertanian ini setelah penuntut itu sudah selesai dalam pelajarannya di universiti dan lain-lain dan dijadikan tanah bapa atau penajanya sebagai cagar. Kalau dipotong pada tiap-tiap musim menuai padi dan sebagainya, ini mendatangkan keberatan oleh kerana petani-petani itu juga ada commitment yang lain. Jadi kalau dapat ditimbang-tarakan perkara ini, saya rasa pelancaran ini dapat disambut baik dan berguna kepada kaum tani pada masa akan datang.

Berhubung dengan Kepala B. 18, Jabatan Kerjasama. Saya mendesak Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar supaya dapat mengambil perhatian berat dan benar-benar serious atas kebimbangan saya bagi pihak petani-petani, berkenaan sebuah kilang besar yang julung kali diadakan oleh petani-petani di Daerah Tanjong Karang dan Sungai Besar. Adanya kilang itu pada hari ini daripada kecil sehinggakan besar adalah daripada daya usaha dan tenaga petani-petani yang telah digembelikan sejak 20 tahun yang lalu. Peringkat akhirnya, iaitu 4-5 tahun yang lepas kilang itu telah berjoint-venture dengan LPN. Apa yang menimbulkan kebimbangan kepada saya iaitu LPN sudah mengadakan dua buah kompleksnya sendiri di daerah itu juga dan apakah nasib kilang ini apabila LPN menjalankan kompleksnya adalah di dalam tandatanya yang besar. Saya harap kepada Kementerian ini cubalah menolong kepada petani-petani di daerah itu menghilangkan perasaan gelisah dan menentukan apakah nasib kilang itu apakah Kompleks LPN itu sudah berjalan kelak. Jadi ini adalah harapan baik dan tidaklah sebagaimana nasib sebuah kilang di sebelah Kelantan mati begitu sahaja. Ini sangatlah mendukacitakan. Saya harap dengan jasa baik Yang

Berhormat Timbalan Menteri supaya menyelamatkan kilang ini dan dapat berjalan seiring dengan Kompleks LPN di Tanjong Karang. Terima kasih.

5.40 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Kepala Bekalan 17, Pecahan-kepala 1100—Pertanian.

Tuan Pengerusi, di dalam Kementerian ini ada banyak science graduates dan mereka sekarang sedang membuat kajian mengenai jenis padi, looking for new forms of rice, new strains of rice for

Tuan Pengerusi: Siapa izinkan bercakap dalam bahasa Inggeris?

Dr Ling Liong Sik: Minta izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Izin tidak dapat, teruskan dalam Bahasa Malaysia.

Dr Ling Liong Sik: . . . hendak cari jenis padi baru dan di atas tanah-tanah kita pun ada soil scientists yang telah menjalankan tugas di dalam hutan, digunung pun hendak dicari soil dan analyse. Pendapat atau pandangan saya, di dalam negara kita ada soil maps untuk seluruh negara kita. Kerja seperti ini ialah kerja yang susah, penting dan kerja yang mustahak sekali, tetapi kasihan kepada pegawai-pegawai science graduates semacam ini yang tidak mendapat sufficient weightage. There is not sufficient weightage yang Kerajaan kita. . . .

Tuan Pengerusi: Sedikit-sedikit boleh campur bahasa Inggeris.

Dr Ling Liong Sik: Terima kasih, Tuan Pengerusi, Jika Kerajaan kita tidak beri sufficient weightage kepada pegawai-pegawai science di dalam Kementerian Pertanian ini, akan timbullah suatu perasaan creeping frustration amongst the science graduates, oleh sebab mereka berpendapat bahawa Arts graduates mengambil masa belajar tiga tahun dan selepas empat lima tahun sudah naik Superscale "G", tetapi science graduates sudah bekerja 9-10 tahun kemajuannya macam keretapi kita—jalan perlahan-lahan—tidak ada peluang langsung kenaikan pangkat, merek masih timescale.

Tuan Pengerusi: Sekarang ada keretapi express.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Pengerusi, Kerajaan kita selalu ada emphasis di atas Science dan Technology tetapi jika promotional chances tidak ada di dalam Kerajaan, nampak saya emphasis ini adalah suatu emphasis yang kosong (empty). Saya harap Menteri yang berkenaan mengkaji semula di atas perkara ini dan saya sukacita di masa yang tidak berapa lama lagi kita boleh implement suatu kemajuan sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umumkan satu Science Civil Service yang boleh beri lebih peluang kepada science graduates untuk menaikkan pangkat mereka. Jika kita tidak buat semacam ini, Tuan Pengerusi, saya takut di masa hadapan kelak, kita boleh dapat suatu frustrated science service di dalam perkhidmatan Kerajaan kita dan dengan sebab ini, kita akan dapat pegawai-pegawai science yang unproductive.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit di atas B. 17, Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (6) MARDI. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MARDI untuk all the good job they have been doing, for finding new strains of rice, soil maps and so on but I have got one small question, iaitu saya hendak tahu mengapa pegawai-pegawai science di dalam MARDI diberi tiga tahun kontrak, they are not put on the establishment, but they are only given 3 year contracts. Ini tentulah boleh menyebabkan suatu perasaan insecure dan saya harap Menteri yang berkenaan mengkaji semula perkara-perkara ini dan beri jawapan yang sesuai sekali kepada kita.

5.45 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Bahasa Malaysia tidak payah minta izin.

Tuan Oh Keng Seng: Campur-campur.

Tuan Pengerusi: Sedikit sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Kepala B. 17, Pecahan-kepala 1100 di bawah Aktiviti (2) Pertanian.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, Malaysia is primarily an agricultural country and we are endowed with rich undeveloped land resources. According to one official estimate, there are still 30 million acres of land suitable for development in Malaysia. We should therefore make full use of our land resources to improve the lot of the poor by allocating them land for cultivation in answer to the call by the Government to increase food production.

Tidak lama dahulu Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ada mengumumkan bahawa 500 ribu ekar tanah akan dibuka untuk pengeluaran makanan setengah daripada itu di dalam Semenanjung Malaysia. Sungguhpun langkah ini dialu-alukan tetapi petani-petani dan peladang-peladang kita suka dapat tahu di mana tanah tersebut terletak, bagaimana tanah itu diperuntukkan dan bagaimana mereka dapat memohon tanah untuk tanaman supaya mereka dapat memberi sumbangan terhadap pengeluaran makanan, melainkan bukti-bukti ini dapat diperolehi maka petani-petani dan peladang-peladang kita tidak sedar bagaimana mereka dapat menyertai rancangan-rancangan untuk menambah pengeluaran makanan. Memandangkan kepada perkara ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian ini supaya menubuhkan satu jabatan khas yang diberi tanggungjawab untuk menentukan bahawa 500 ribu ekar tanah yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dapat diperuntukkan kepada petani-petani secara adil dan dengan secepat yang mungkin. Jikalau cadangan kami dapat diterima, kami rasa yakin bahawa petani-petani dan peladang-peladang kita akan memainkan peranan mereka untuk menjayakan rancangan Buku Hijau yang dilaungkan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, as stated in the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, the low income of our poor agricultural workers, many of whom are Malays, are attributed to the uneconomic sized holdings, poor or unsuitable lots for cultivation, traditional methods of farming and lack of access to modern agricultural input. Besides what has been mentioned above, I would say that another basic cause of rural poverty is the non-ownership of farms. The census of agriculture of 1960 shows that for that year, 59% of all farms were under 4 acres. In the cultivation of padi, 24% of the farms were under 2 acres. At the

same time 80% of these padi farms were not owned by the cultivators. It is time for the Government to introduce basic structural changes in our agrarian economy, or basic land reforms to ensure that every farmer tills his own farm. In the absence of this basic and radical land reform the hundreds of millions of ringgit which the Government has spent and is still spending, such as the multi-million dollar Muda Irrigation Project, can only benefit the absentee landlords while the downtrodden farmers remain poor, landless and exploited. I, therefore, call on the Minister concerned to give serious thought to our call for radical land reforms so as to ensure that every padi farmer is an owner operator of 10 acres of land. This will go a long way to eliminate rural poverty.

Mr Chairman, I now wish to refer to the National Livestock Development Authority. With the high food prices and the serious problem of malnutrition among the children of the poor, the Government should aim at self-sufficiency in meat and dairy products as early as possible instead of relying on imports for such products from overseas. With this aim in mind, I urge the National Livestock Development Authority to launch a crash programme to encourage the rapid development of the livestock industry. Increased production in meat and dairy products will not only be able to save foreign exchange but also spearhead the attack on the problem of malnutrition among the Malaysian poor.

5.50 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan 17 telah diperuntukkan wang sejumlah \$98,812,300 bagi tahun 1976 dan Kepala Pembangunan 17 diperuntukkan wang sejumlah \$116,903,862. Jumlah semuanya bagi Kementerian ini bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$215,716,162.

Tuan Pengerusi, yang menghairankan saya pada tahun 1976 wang peruntukan Belanja Mengurus telah berkurangan sebanyak \$36,627,500 dan lagi wang Peruntukan Pembangunan pun berkurangan sebanyak \$28,410,273 berbanding dengan tahun 1975. Ingin saya mendapat penjelasan yang tegas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada peruntukan Kementerian ini telah berkurangan banyak sangat pada hal untuk memajukan petani-petani kita dan penduduk-penduduk kampung bergantunglah kepada

Kementerian ini untuk memajukan mereka. Adakah Kerajaan telah memandang bahawa penduduk-penduduk luar bandar sudah makmur dan berjaya di dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar. Tuan Pengerusi, pada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang lain Kerajaan telah menambahkan peruntukannya, tetapi malang sungguh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar wang sejumlah \$60,037,773 telah dikurangkan. Saya tidak tahu kenapa dan mengapa pihak Perbendaharaan mengurangkan peruntukan ini, pada hal tidak berapa lama lagi tersualah kita dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Kepala B. 17, muka surat 101 di dalam buku Belanjawan Persekutuan di bawah Aktiviti (1) hingga (5), dan Pecahan-kepala 1200 di bawah Aktiviti (1) hingga (4).

Tuan Pengerusi, agak sedih juga apabila saya memandangkan peruntukan-peruntukan yang dianggarkan pada tahun 1976 ini. Walau bagaimanapun terpaksa saya bercakap serba sedikit untuk keperluan rakyat di dalam Dewan yang mulia ini.

Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1) hingga (5). Pertama sekali suka saya menyentuh berkenaan dengan Pentadbiran Am. Adapun jumlah pegawai di dalam bahagian ini telah berkurangan. Saya pun tidak tahu bagaimana nanti pihak yang berkenaan dapat menyelenggarakan tugas-tugas yang dikehendaki oleh orang ramai.

Kedua, ialah berkenaan Pertanian-Parit dan Taliair serta Haiwan. Jumlah jawatan yang tercatat di sini ialah sebanyak 1,939 bagi tahun 1976 untuk Pertanian, dan anggaran wang sejumlah \$9,133,090 untuk Pegawai-pegawai Pertanian. Memandangkan kehendak-kehendak negara bahawa bidang pertanian sangat-sangat hendak kita majukan, jikalau pegawai-pegawai yang berkenaan tidak mencukupi untuk mengendalikan bidang pertanian ini bersama-sama orang kampung, bagaimanakah kita akan dapat petani-petani moden di masa hadapan? Begitu juga dengan parit dan taliair. Jikalau pegawai-pegawainya tidak mencukupi bagaimanakah petani-petani kita dapat menanam padi ataupun bercucuk tanam sedangkan Bahagian Parit dan Taliair tidak diedarkan oleh pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, di dalam bidang Haiwan nampaknya tidak ada apa-apa perubahan

tentang pegawai di dalam bahagian ini. Walau bagaimanapun saya harap pihak Kementerian akan mendapatkan Pegawai-pegawai Haiwan yang terlatih dan cekap untuk membantu rakyat kita di desa.

Ketiga, saya suka menyentuh berkenaan Sumber-sumber Alam iaitu di bawah Pecahan-kepala yang sama, (a)—Perikanan. Adapun di dalam bahagian ini sama sahaja dengan Bahagian Haiwan tidak ada apa-apa perubahan jawatan di dalam Bahagian Perikanan. Pada masa yang akan datang untuk memajukan nelayan-nelayan kita di Malaysia ini, pihak Kementerian hendaklah mendapatkan pegawai-pegawai yang benar-benar tahu selok-belok perikanan dan faham benar akan nasib nelayan kita. Andai kata nasib nelayan-nelayan kita masih ditakok yang lama juga, sudah pasti mereka ini semakin sehari semakin mundur. Sebab itulah saya mengesyorkan bahawa Kementerian hendaklah mendapatkan pegawai-pegawai yang benar-benar minat di dalam lapangan ini.

Tuan Pengerusi, keempat suka saya menyentuh berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar. Saya tidak tahu sejauh manakah kemajuan yang dikatakan Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa memberi kesan yang baik di dalam Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, kelima ialah berkenaan jawatan-jawatan yang berpencen di negeri. Saya harap pihak Kementerian dengan secepat mungkin menempatkan pegawai-pegawai yang baru di mana pegawai-pegawai lama sudah bersara. Dengan adanya penempatan pegawai-pegawai yang baru ini saya harap agar pihak Kementerian dapat menyelesaikan tugas-tugasnya.

Tuan Pengerusi, ada pun peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Perbekalan bagi bahagian ini adalah baik. Oleh kerana sudah kena pada tempatnya di mana dasar Kerajaan kita ialah hendak menyelesaikan masalah petani-petani kita. Di dalam muka surat 105 Buku Belanjawan Persekutuan, 1976, Pecahan-kepala 4100 Aktiviti (6) MARDI. Dan lagi di dalam muka surat 107, Pecahan-kepala (3)—Kemudahan-kemudahan Penyelidikan MARDI.

Kemahiran kakitangan untuk melaksanakan tugas-tugas ini amatlah mustahak. Andainya tidak, sudah pasti segala rancangan akan terbantut. Pertama sekali, suka saya

menyentuh berkenaan dengan padi. Seperti mana yang kita ketahui bahawa hasil daripada penyelidikan yang dibuat oleh MARDI, padi yang ditanam oleh petani-petani kita bertambah hasilnya dari masa ke semasa. Saya harap pihak penyelidikan akan terus mengkaji dari masa ke semasa, agar kita memperolehi baka yang baik untuk tanaman padi kita. Saya yakin sekiranya penyelidikan dijalankan dengan baiknya sudah pasti negara kita tidak payah lagi mengimpor beras daripada luar negeri. Malahan kita pula yang akan mengeksport beras keluar negeri. Baja-baja daripada bahan tempatan serta racun-racun daripada bahan tempatan hendaklah diselidiki supaya kita dapat menjimatkan wang daripada membeli bahan-bahan baja kimia daripada luar negeri.

Di dalam Bahagian Penyelidikan Teknologi, suka saya menyentuh berkenaan buah-buahan tempatan yang bermusim. Kita belum ada lagi kilang buah-buahan tempatan. Buat permulaannya bahagian ini boleh mendirikan sebuah kilang kecil untuk memproses buah-buahan tempatan agar buah-buah ini bukan sahaja untuk dimakan oleh rakyat kita, tetapi juga untuk diekspot.

Tuan Pengerusi, di kawasan pilihanraya saya sudah terkenal dengan buah durian. Buahnya baik, rasanya pun sedap. Saya rasa sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini pernah makan durian daripada Perak.

Tuan Pengerusi: Tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah merasa durian di sana.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Yang menyedihkan saya, Tuan Pengerusi, apabila buah durian ini terlampau banyak, harganya pun merosot. Maka isi durian yang manis pun dijadikan tempoyak. Walau bagaimanapun, tempoyak memang terkenal di kalangan rakyat kita. Saya berharap pihak penyelidikan teknologi ini dapat membuat sebuah kilang kecil agar buah-buah durian yang saya katakan itu dapat diproses dijadikan satu bahan makanan untuk diekspot.

Pihak penyelidikan teknologi bukan sahaja menyelidik buah durian malahan buah-buahan seperti rambutan, langsung, rambai dan macam-macam buah lagi.

Tuan Pengerusi, buah pisang kita di Malaysia ini kecil-kecil tetapi manis. Seperti mana pisang-pisang daripada negeri-negeri

Brazil, Afrika, Nigeria dan lain-lain negeri, pisang daripada negeri tersebut besar-besar, lemak dan manis pula rasanya. Saya harap pihak yang berkenaan akan berusaha mendapatkan benih-benih dan baka-baka yang baik untuk petani-petani kita menanamnya, ataupun buah-buah betik kita di Malaysia ini kecil tetapi manis. Apa yang saya suka katakan di sini apabila pihak penyelidikan membuat penyelidikan buah-buahannya menjadi besar. Ini adalah satu usaha yang baik.

Malangnya, Tuan Pengerusi, isinya lembik dan tawar serta terlampau banyak mengandungi air. Saya harap pihak yang berkenaan dapat memperbaiki supaya benih-benih yang baik boleh didapati.

6.03 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan peruntukan di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Di sini suka saya memberi gambaran sedikit di atas Kementerian ini, terutama sekali di dalam bahagian pertanian di mana Bahagian Pertanian memerlukan perbelanjaan sebanyak \$13,389,700 sebagai Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan lebih kurang \$20,985,000. Peruntukan ini diperlukan untuk menyiapkan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua di samping itu terus memberi perkhidmatan-perkhidmatan teknik dan nasihat kepada petani-petani.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Petaling telah menyebut supaya kita dapat menambahkan lagi hasil pengeluaran pertanian. Ini memang menjadi dasar kepada Kementerian ini untuk menambahkan lagi hasil pengeluaran pertanian dan di samping itu pihak perkembangan pertanian juga akan memberi pertolongan dan bantuan bagi membekalkan input perbagaikan pertanian dan juga penyelidikan serta latihan-latihan kepada petani-petani di seluruh negara dan memperkembangkan lagi perkhidmatan pengeluaran pertanian di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, Kangar dan Tanjong Karang telah menyentuh berkenaan Jabatan Parit dan Taliair.

Jabatan Parit dan Taliair pada tahun hadapan memerlukan belanja sebanyak \$4,368,100 untuk Belanja Mengurus dan Pembangunan sebanyak \$60 juta. Ini merupakan satu perbelanjaan yang besar untuk menyediakan taliair dan juga saliran-saliran di bawah Jabatan Parit dan Taliair. Lebih 50% daripada peruntukan bahagian ini akan dilaburkan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pengairan di kawasan-kawasan yang tertentu seperti di perairan Muda, Kemubu dan juga Besut serta mengadakan sistem pengairan baharu di kawasan Seberang Perak yang keempat. Kerja-kerja kecil parit dan taliair di kawasan-kawasan yang terpencil juga tidak akan dilupakan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang yang mana beliau merasa tidak begitu puas hati di atas satu saluran parit yang mana dinamakan Sungai Nyior. Sebenarnya, saya telahpun berhubung dengan Ahli Yang Berhormat, itu insya Allah, selepas Persidangan Parlimen ini, saya akan membuat lawatan ke sana untuk mengambil tindakan segera di mana-mana yang boleh. Di mana perlu insya Allah akan diberi pertolongan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ingin supaya dapat dipercepatkan lagi taliair simen ataupun taliair konkrit yang ada di Tanjong Karang. Ini telah diatur dan disusun oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair, tetapi terpaksa mengambil masa yang lama kerana taliair konkrit ataupun simen yang dibuat di Tanjong Karang ini memakan belanja yang besar dan pada masa ini pihak Jabatan Parit dan Taliair sedang mencari jalan untuk menurunkan perbelanjaan itu dengan seberapa rendah yang boleh, barangkali tidak menggunakan simen, tetapi akan menggunakan satu jenis yang lain yang lebih sesuai untuk menentukan supaya taliair simen ini dapat dilaksanakan dengan baiknya bagi membekalkan air kepada tiap-tiap lot yang ada di dalam kawasan Tanjong Karang.

Berkenaan dengan Pegawai-pegawai Perikanan yang kurang, ini memang kita akui kerana pada masa ini kita sedang menghadapi kekurangan pegawai. Tetapi walau bagaimanapun, kita akan cuba dengan sedaya-upaya walaupun tidak mencukupi pegawai-pegawai dan kita harapkan pegawai-pegawai ini akan dapat menumpukan lebih lagi tenaga demi kepentingan petani-petani dan juga nelayan-nelayan di dalam negara kita.

Jumlah perbelanjaan yang diperlukan oleh Bahagian Perikanan pada tahun 1976 ialah 8.04 juta bagi Pembangunan dan sebanyak \$6.4 juta. Kegiatan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas pada nelayan-nelayan seperti kompleks pelabuhan, bot-bot, bantuan kewangan dan latihan akan dipergiatkan lagi. Mulai tahun hadapan juga semua projek pembangunan Bahagian ini akan diselarasakan dengan cadangan-cadangan Pelan Induk Perikanan yang telah disediakan terlebih dahulu untuk dimajukan sehingga jangka panjang tahun 1990. Jadi, satu masaalah yang besar dihadapi oleh Kementerian ini ialah kelebihan jumlah nelayan-nelayan yang ada pada hari ini dan pihak Kementerian ini suka mengulangi lagi supaya dapat kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menyediakan tanah untuk memindahkan mereka ini supaya dapat mengubah kehidupan daripada nelayan kepada petani-petani.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Matang juga telah menyebutkan soal haiwan. Haiwan ini adalah satu perkara yang difikirkan penting juga untuk mengisi keperluan negara bagi menambahkan daging dalam negara ini dan juga untuk menambahkan lagi hasil petani-petani bagi menambahkan pendapatan mereka. Dan dianggarkan memerlukan Belanja Mengurus sebanyak \$7,667,700 dan Belanja Pembangunan sebanyak \$4,186,000. Peruntukan ini adalah ditumpukan kepada perlaksanaan rancangan-rancangan yang akan memberi faedah kepada penternak kecil terutama di dalam kawasan-kawasan luar bandar. Dan juga sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa soal keperluan ayam telah mencukupi di dalam negara kita tetapi untuk keperluan daging lembu dan juga daging kerbau, kita masih banyak mengalami kekurangan. Perkhidmatan yang difikirkan memberi kesan yang sebaik-baiknya ialah meluaskan perkhidmatan pernianan beradas untuk mendapatkan baka-baka yang lebih baik lagi untuk menambah pengeluaran ternakan di dalam negara kita. Latihan-latihan kepada pegawai-pegawai dan penternak-penternak kecil juga terus dipergiatkan. Keutamaan akan diberi kepada perkembangan perusahaan lembu dan kita harap akan dapat mencapai kemajuan di masa yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, Kangar dan Parit telah menyentuh soal Kelas Kemajuan Masyarakat yang mana kedua-dua

Ahli-ahli Yang Berhormat ini meminta supaya elaun guru-guru dewasa dapat ditambah.

Saya mengucapkan terima kasih di atas simpati Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Tetapi oleh kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum keadaan kewangan negara pada masa ini sedang menghadapi kesulitan. Jadi, saya harap kita kena bersabar dan berdoalah mudah-mudahan kedudukan ekonomi negara kita akan dapat bertambah baik lagi di masa yang akan datang dapat ditimbangkan, tetapi buat masa ini dukacitalah tidak dapat diperbuat kerana kita sedang mengalami kekurangan kewangan negara. Bahagian Kemajuan Masyarakat ini diperuntukkan dengan anggaran \$8,488,820 yang mengandungi \$8.4 juta untuk Belanja Mengurus dan \$48,020 untuk Belanja Pembangunan. Kegiatan bahagian ini ditumpukan ke arah menyediakan dan pembinaan inisiatif masyarakat supaya mereka dapat berdikari dalam menghadapi cabaran-cabaran pembangunan dan matlamat ini akan dapat dihasilkan dari kerjasama daripada semua pihak, terutama sekali kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Kampung, Pemaju-pemaju Kampung, rancangan-rancangan pendidikan kenal-tugas, rancangan pembangunan keluarga dan rancangan desa-usaha. Rancangan ini menitikberatkan latihan-latihan kemahiran dan latihan-latihan orientasi yang membolehkan masyarakat mengenali masaalah sendiri dan mencari jalan bagi mengatasi masaalah-masaalah ini. Ini satu daripada langkah-langkah bagi menyusun semula masyarakat-masyarakat desa di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Matang dan Tumpat ada menyentuh soal Jabatan Koperasi. Jabatan Koperasi telah disediakan peruntukan Belanja Mengurus bagi Jabatan Pembangunan Koperasi iaitu sebanyak \$5,224,000 sebagai satu alat meninggikan taraf hidup rakyat. Gerakan Koperasi telah dapat memberi kesan yang menggalakkan di bidang perusahaan, perbekalan, penggunaan, perumahan, indastri dan lain-lain. Matlamat tahun hadapan ialah bagi mencantumkan koperasi-koperasi di satu daerah itu kepada koperasi-koperasi perdagangan dan perindustrian daerah dan menggalakkan koperasi-koperasi itu bergerak di dalam bidang-bidang perdagangan dan perindustrian.

Dengan demikian, usaha-usaha bagi mewujudkan koperasi yang lebih dinamis dan teguh dari segi perjalanan dan perniagaan akan lebih mudah tercapai lagi.

Masaalah-masaalah yang timbul di Pasir Ho, Kelantan iaitu soal kilang padi telah tidak dapat menjalankan perniagaannya, ini disebabkan barangkali penubuhan kilang padi ini tidak disiasat terlebih dahulu kerana saya dapat tahu kilang padi ini telah mendapat pinjaman daripada Bank Rakyat, tetapi tidak mendapat pinjaman daripada Kementerian ini. Masaalah yang ada di Tanjong Karang di mana Yang Berhormat wakil tersebut sangat bimbang kerana siapnya dua buah kilang L.P.N. (Lembaga Padi dan Beras Negara) akan memberi gambaran yang buruk kepada kilang koperasi yang ada di Tanjong Karang. Saya berjanji, insya Allah, saya akan berunding dengan pihak L.P.N. untuk mengatasi masaalah ini supaya kita sama-sama hidup dan sama-sama mendapat rezki untuk memandu petani-petani di dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga saya mengucapkan terima kasih di atas pandangannya kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang sedang aktif untuk maju ke hadapan memberi pimpinan kepada petani-petani yang mana masa LPP ini telah diberi peruntukan sebanyak \$10,895,000 bagi Belanja Pembangunan dan sebanyak \$4.3 juta bagi Belanja Mengurus. Jadi, LPP akan menyediakan kemudahan asas kepada petani seperti Pembinaan pusat-pusat kemajuan peladang, setor-setor benih, rancangan subsidi, trektor dan juga projek-projek pertanian yang lain. Ini untuk memberi pimpinan dan pertolongan kepada petani-petani yang memerlukan di dalam satu-satu kawasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Tanjong Karang, Mata Kuching dan Parit telah menyentuh MARDI dan mengucapkan tahniah di atas kejayaannya bagi mencipta Padi Seri Malaysia Satu. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah meminta Pegawai MARDI untuk dihantar ke kawasannya supaya menyiasat dan memberi pertolongan dan nasihat kepada petani-petani. Insya Allah, saya akan mengarah pegawai yang tersebut untuk pergi ke Tumpat membuat penyiasatan dan memberi pertolongan apa yang diperlukan oleh petani-petani dalam kawasan yang tersebut. Untuk menguruskan kerja-kerja

penyelidikan ke atas mutu jumlah pengeluaran kegunaan dan memperbaiki cara memproses hasil-hasil pertanian. MARDI memerlukan Belanja Mengurus sebanyak \$20 juta di dalam tahun 1976 ini. Projek-projek pembangunan yang bernilai \$5.9 juta, projek-projek ini akan meliputi kerja-kerja pembinaan bangunan dan pembelian alat-alat penyelidikan dan jentera-jentera ladang.

Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching ada menyebutkan rasa tidak puas hati daripada pegawai-pegawai sains yang berkhidmat dalam MARDI. Pegawai-pegawai yang serupa ini adalah meliputi di dalam semua Kementerian-kementerian. Oleh kerana itu, badan-badan seperti MARDI ini telah ada beberapa Suruhanjaya-suruhanjaya yang telah mengesyorkan soal kedudukannya dan tanggungaji mereka. Sekarang sedang di dalam perimbangan Kerajaan dan ini harus diselaraskan kepada semua Kementerian-kementerian yang ada di dalam negara kita, bukan hanya kepada MARDI sahaja.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu berkenaan dengan soal MAJUIKAN, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyentuh kepada nasib-nasib nelayan. Sebenarnya, MAJUIKAN ini memerlukan peruntukan sebanyak \$2,549,000 bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus: aktiviti-aktiviti pentadbiran am, dan perancangan dan pembangunan projek, perlaksanaan projek, pemasaran dan koperasi nelayan. Aktiviti ini berupa perkhidmatan untuk membantu sektor perikanan keseluruhannya dan nelayan-nelayan khususnya. Sebanyak \$4,292,000 lagi adalah dikehendaki bagi membiayai beberapa projek pembangunan termasuk projek-projek menangkap ikan, projek kilang air batu, kilang memproses ikan, udang, projek pukat tunda di Trengganu dan juga di Sarawak. Sebenarnya, nelayan-nelayan di masa yang lalu ialah tidak ada satu badan pun yang dapat memberi pimpinan tetapi dengan adanya MAJUIKAN, maka MAJUIKAN akan dapat memberi bimbingan bukan sahaja dalam bidang menangkap ikan, tetapi juga hingga kepada soal pemasaran. Oleh kerana itu, MAJUIKAN terpaksa menyusun kerja-kerjanya dengan berhati-hati supaya nelayan-nelayan akan dapat memberi faedah yang baik kepada petani-petani.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga ada menyentuh soal kedudukan tanah yang disebut sebanyak 500,000 ekar yang akan dimajukan di dalam Rancangan Buku Hijau.

Sebenarnya, tanah-tanah ini adalah tanah-tanah kepunyaan petani yang tidak diusahakan dan ini sedang diatur dan disusun oleh Kementerian ini samada yang ada di Semenanjung Malaysia dan juga di Sarawak. Tanah-tanah ini adalah kebanyakannya kepunyaan petani-petani sendiri supaya mereka dapat menanam jenis tanam-tanaman bagi mengatasi masalah inflasi dan keperluan negara.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang juga mengesyorkan supaya Bank Pertanian dapat memberi kemudahan kepada penuntut-penuntut untuk mendapat scholarship. Sebenarnya, bank ini pada masa ini hanya memberi scholarship kepada pegawai-pegawai yang akan diambil bekerja kepada bank ini sahaja dan selain dari itu kebanyakan bank ini adalah menumpukan kegiatannya kepada pinjaman-pinjaman yang berasaskan kepada pertanian. Oleh kerana itu, walau bagaimanapun sepanjang perjalanan bank ini yang saya dapat ketahui sebanyak \$140 juta telah dapat dikeluarkan kepada petani-petani dan juga kepada nelayan yang memerlukan kejenteraan dan juga wang modal pusingan tetapi telah dapat berjalan dengan baik dan sempurna.

Saya rasa tidak ada apa-apa lagi yang saya hendak sebutkan di sini dan saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian berat kepada Kementerian ini mudah-mudahan dengan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian ini akan terus berjalan lancar untuk membela nasib petani-petani di seluruh negara.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$98,812,300 untuk Kepala B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$116,903,862 untuk Kepala P. 17 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 19 (Jadual)—

Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama, iaitu Peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$2,657,000 di bawah Kepala Bekalan B. 19 dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1976, dan Peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Kepala Pembangunan P. 19 sebanyak \$32,993,339.00 diluluskan.

Belanja Mengurus

Belanja Mengurus bagi Kementerian Perusahaan Utama dapat dipecahkan mengikut aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Pentadbiran Am, Penyelidikan dan Perancangan sebanyak \$934,000;
- (b) Pengurusan Pasaran Bahan-bahan Utama, sebanyak \$1,547,000; dan
- (c) Pentadbiran Rancangan Tanam Semula Getah Kerajaan sebanyak \$149,000.

Jumlah semua: \$2,657,000.

Lebih kurang 44.2% daripada jumlah Belanja Mengurus iaitu sebanyak \$1,174,760 adalah bagi membayar imolumen pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian, sementara 31.6% iaitu berjumlah \$840,700.00 adalah bagi sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa bahan-bahan utama. Yang lainnya adalah perbelanjaan perkhidmatan, bekalan dan pemilikan harta modal. Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1976 adalah 32.69% melebihi peruntukan tahun 1975 iaitu sebanyak \$654,700.00. Ini adalah disebabkan oleh bertambahnya kegiatan-kegiatan perkhidmatan sokongan aktiviti-aktiviti bagi melaksanakan dasar-dasar Kementerian serta bertambahnya sumbangan/pemberian kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa mengenai bahan-bahan utama yang Malaysia menjadi anggotanya seperti Asian Coconut Community dan Majlis Timah Antarabangsa.

Seperti dalam tahun 1975 Kementerian saya akan terus berusaha bagi mencapai penyetabilan harta getah asli. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telahpun dapat sendiri menyaksikan kejayaan yang telah dicapai melalui pembelian langsung getah asli daripada pekebun-pekebun kecil dan kejayaannya ini mendorongkan Kementerian saya bagi melanjutkan lagi usaha-usaha ini dalam tahun 1976. Selain dari langkah-langkah dalam negeri ini, sukacita saya memberitahu Dewan usaha-usaha kita ke arah Perjanjian Getah Asli Antarabangsa bagi tujuan menubuhkan Stock Penimbal Getah Antarabangsa dan "Supply Rationalization Scheme" antara negara-negara pengeluar getah asli sedang berjalan dengan memuaskan.

Malaysia memang sentiasa menyokong penuh sebarang peraturan-peraturan barangan antarabangsa dan menyertai secara aktif apa-apa bentuk sahaja kerjasama antarabangsa demi kepentingan pengeluar-pengeluar bahan utama. Dalam hubungan ini Malaysia sering berusaha mendapatkan sokongan bukan sahaja daripada negara pengeluar-pengeluar yang lain tetapi juga daripada negara-negara pengguna.

Dalam pertengahan tahun 1976, Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Keempat yang ada sekarang akan berakhir. Ini akan disusuli dengan Perjanjian baru iaitu Perjanjian Kelima yang telahpun dirunding dan dipersetujui di antara negara-negara pengeluar dan pengguna pada pertengahan tahun ini. Memandangkan kepada faedah-faedah yang telah dinikmati oleh pelombong-pelombong kita, dan berdasarkan kepada kejayaan dan pengalaman-pengalaman di bawah perjanjian-perjanjian yang lepas. Malaysia akan terus memberi sokongannya kepada Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Kelima yang perlu disahkan oleh semua negara-negara pengeluar dan pengguna sebelumnya dikuatkuasakan pada 1hb Julai, 1976. Saya suka menyatakan iaitu perjanjian yang baru ini mengandungi beberapa perubahan yang penting untuk menentukan perjalanan perjanjian yang lebih berkesan. Umpamanya, perjanjian ini membolehkan

Majlis Timah Antarabangsa menambahkan lagi Stok Penimbalnya ke paras 40,000 tan dengan adanya harapan sumbangan tambahan maksima sebanyak 20,000 tan daripada negara-negara pengguna.

Saya gembira dengan perubahan sikap Kerajaan Amerika Syarikat yang telah menyatakan hasratnya bagi menyertai perjanjian baru ini. Pada saya, ini adalah satu perkembangan yang menggalakkan dari segi penyertaan negara-negara pengguna di dalam perjanjian timah antarabangsa.

Pembangunan

Tuan Pengerusi, seperti yang dapat diperhatikan dari peruntukan-peruntukan pembangunan, Kementerian saya akan memperkemaskan lagi peraturan-peraturan pengawalan, amalan pengeluaran dan pemerosesan bahan-bahan utama di bawah tanggungjawab Kementerian ini melalui Badan-badan Berkanun di bawahnya. Sejang dengan dasar perindustrian negara kita, Kementerian saya sentiasa menggalakkan peningkatan memproses bahan-bahan utama sebelum diekspot dan juga menggalakkan penubuhan industri-industri yang menggunakan bahan-bahan utama dalam negeri dengan lebih banyak lagi.

Tuan Pengerusi, Anggaran Belanja Pembangunan Kementerian Perusahaan Utama bagi tahun 1976 pula, yang dikemukakan ini, adalah Perbelanjaan Pembangunan sementara bagi membuat peruntukan bagi melaksanakan projek-projek yang telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kedua sahaja.

Jumlah Anggaran Pembangunan yang diperlukan bagi tahun 1976 adalah sebanyak \$32,997,339. Jumlah ini adalah dikehendaki bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti berikut:

- (i) Rancangan Tanaman
Semula Getah Kera-
jaan di bawah RISDA \$8,961,739.00

(ii) Perbadanan Kema-
juan Getah Malaysia
Berhad (MARDEC) \$22,364,000.00

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang
lagikah hendak bercakap?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Ya, Tuan
Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu Yang Ber-
hormat boleh sambung pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis
ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari
Isnin, 1hb Disember, 1975.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30
petang.*